



akhbar *Yang dinamik, yang progresif* MAHASISWA

Universiti Pertanian Malaysia

TAHUN 4 BILANGAN 13

YANG INGIN MENGETI ... SEBUAH DERITA

NOV/DIS 1993

SYOR TUBUHKAN UNIVERSITI PERGURUAN

SEMASA berucap s e m p e n a penganugerahan Doktor Persuratan dar Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di majlis konvokesyen kali ke-17 baru-baru ini, Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad telah m e n c a d a n g k a n penubuhan sebuah Universiti Perguruan di Malaysia.

Universiti Perguruan dicadangkan ini adalah dapat dianggap sebagai satu lambang pengiktirapan yang tinggi kepada bidang perguruan di samping juga dapat memperbaiki lagi taraf profesionalisme guru.

Setakat ini sudah ada 8 buah universiti termasuk USM yang khusus untuk mengeluarkan karyawan dalam bidang sains, UPM yang tujuan asalnya untuk melahirkan karyawan pertanian, UUM untuk pengurusan serta UTM untuk menghasilkan jurutera yang profesional dan separa profesional.

Namun masih tiada sebuah universiti yang khusus untuk menghasilkan lebih kurang 3000 orang guru setiap tahun iaitu yang betul-betul kreatif dalam menyempurnakan pengajaran serta dapat mengembangkan teknik

pengajaran dengan lebih relevan lagi.

Datuk Wira Abd. Rahman Arshad yang juga bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia berkata, pengiktirapan yang sewajarnya perlu diberikan kepada pendidik untuk memantapkan bidang yang tertua itu.

"Kalau pengiktirafan sesuai tidak diberikan, maka perkhidmatan perguruan tidak dapat menjadi tarikan dan dikhuatiri ianya akan menjadi antara pilihan yang terakhir dan kalau ini berlaku kita akan berhadapan dengan yang kurang baik untuk

menghasilkan yang paling baik - the mediocre to produce the best," katanya.

Menurutnya, elemen dalam pendidikan yang perlu dilihat ialah orang yang perlu dilatih betul-betul berjaya kerana itu orang yang ditugaskan untuk melatih mestilah orang yang terpilih dan bukan serpihan.

Beliau berkata, m e m a n d a n g k a n permintaan yang tinggi dari masyarakat kepada bidang perguruan serta tenaga pengajar yang mencukupi dari universiti-universiti yang ada sekarang serta pensyarah maktab-maktab perguruan yang memiliki sarjana boleh digemblingkan untuk menubuhkan sebuah

universiti.

Dalam usaha negara merealisasikan Wawasan 2020, kata Datuk Wira, pendidikan merupakan alat terpenting tetapi ianya bukan sekadar untuk melatih setiap pelajar agar berketrampilan dalam bidang vokasional dan teknikal malah yang lebih diutamakan adalah untuk melahirkan masyarakat yang kamil serta sepadu moral, akal dan jasmaninya.

Bagaimanapun, katanya, terdapat kelemahan yang ketara di kalangan pelajar luar bandar yang lemah dalam mata pelajaran sains dan matematik berbanding dengan sekolah-sekolah bandar.

BERSAMA PEMIKIR DI KKCR

Kolej Kediaman Cikgu Rashid (KKCR), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah menganjurkan Malam Jamuan Bersama Pemikir dengan menjemput Ketua Pengarah Kumpulan Utusan Malaysia, Encik Johan Jaafar baru-baru ini.



Dr. Yahya

Pengetua KKCR, Prof. Madya Dr. Yahya Mat Hassan berkata, secara tradisi kolej menjemput seorang pemikir setiap tahun untuk menawarkan beberapa input idea kepada mahasiswa kolej ini.

"Setiap pemikir yang dijemput adalah mereka yang telah berjaya dalam memimpin sesebuah organisasi," katanya yang juga Timbalan Yang Dipertua GPMS.

Setakat ini KKCR telah menjemput A. Samad Said, Pak Sako, Ishak Hashim dan Sutan Shahril Limbang. Malam Bersama Pemikir merupakan acara tradisi bagi penutup kepada setiap semester.

Malam itu, tetamu pemikir jempunan Encik Johan Jaafar, telah menghuraikan peranan media dalam mewarnai lapis-lapis masa terutamanya masa akan datang yang ditentukan oleh teknologi maklumat.

Menurut Johan, sejarah media di Malaysia adalah atas dasar semangat nasionalisme yang ditiup untuk membebaskan negara dari belunggu kolonial serta memberi pemikiran kepada bangsa Melayu.

"Sejarah keintelektualan telah berlangsung dengan hebat di Malaysia yang dicirikan oleh polemik antara kaum tua dengan

kaum muda (reformis)," kata Johan di hadapan 400 mahasiswa di sini.

Encik Johan telah membedah sedikit sebanyak pemikiran pemikir futuristik Peter Drucker (Post-capitalization Society) yang meramalkan masa depan akan dicirikan oleh pengayaan maklumat.

Agenda masa depan orang Melayu, kata Johan, berlandaskan kepada pembentukan negara bangsa Malaysia serta penyaluran maklumat dari media dengan betul.

Pengarah malam tersebut, Saudara Zamri Azit, 21, berkata objektif program adalah untuk m e m b e k a l k a n mahasiswa dengan input kecemerlangan sambil mendedahkan pemikiran positif semasa menghuni di KKCR melalui pandangan tetamu undangan.

"Bila cabaran kepada bangsa Melayu semakin hebat, tidak boleh tidak kita memerlukan pemikiran yang lebih jitu dan tepat untuk menangani cabaran tersebut," ujarnya yang juga Pengerusi MPP KKCR.

Selain itu, katanya, majlis tersebut juga bertujuan memberikan ruang kepada mahasiswa untuk berkongsi pengalaman dengan seorang tokoh terkenal dan berjaya dalam bidangnya.

KEISTIMEWAAN UPM PADA PROF. RAHIM

oleh:
Mazlah Awang
Wan Siti Hasnah Wan Ismail

Akhbar Mahasiswa telah berkesempatan m e n e m u r a m a h Timbalan Naib Cancellor (HEP), Prof. Madya Dr. Hj. Rahim Md. Sail selaku orang yang terdekat untuk dirujuk bagi mengatasi masalah yang didapati oleh mahasiswa UPM serta m e n d a p a t k a n pandangan beliau atas b e b e r a p a perkembangan masa kini.

KAM: Setelah UPM mencapai suku abad, masih ramai juga mahasiswa UPM sendiri mungkin kurang menyedari akan keistimewaan universiti ini, jadi dari pandangan Prof. apakah agaknya keistimewaan UPM ini.

TNC: Tentang keistimewaan UPM tidak apa yang nak dinyatakan kerana setiap universiti mempunyai kelebihan tersendiri. Jika nak menyentuh tentang keistimewaan UPM mungkin boleh dilihat dari sudut sejarahnya yang

panjang. Bermula dengan sekolah Pertanian pada tahun 1931 dan kemudian pada 1947 bertukar menjadi Kolej Pertanian dan kemudian menjadi Universiti Pertanian Malaya pada tahun 1971. Keistimewaannya ialah sejarahnya yang bermula dari sebuah sekolah hinggalah ke tahap universiti. Dari segi pelajarannya sama saja dengan institusi lain cuma konotasi Pertanian membawa definisi yang lebih luas.

KAM: Ada terdapat ura-ura bahawa nama Universiti Pertanian Malaysia akan ditukar, adakah ini benar Prof.?

TNC: Memang ada ura-ura untuk ke arah itu tetapi masih di peringkat penelitian. Untuk tahap ini saya tak dapat berkata apa-apa.

KAM: Mungkin Prof. ingin memberi sedikit komen dalam hal ini?

TNC: Kalau kita nak mencari semua orang supaya bersetuju



PROF. RAHIM...UPM sejarahnya istimewa

memang satu yang sukar. Apa yang dapat saya katakan di sini ialah nama Universiti Pertanian sekarang tidak dapat menggambarkan

atau melambangkan program-program yang wujud di UPM. Contoh pelajar yang mengikuti program Pendidikan Bahasa Malaysia pasti

tidak akan dapat menjawab persoalan mengenai pertanian.

KAM: Tidakkah sejarah sekolah dan Kolej Pertanian akan tenggelam dengan penukaran nama tersebut?

TNC: Tidak; kerana tradisi yang begitu lama wujud tidak mungkin dihilangkan dengan begitu mudah. Pertanian tetap menjadi bidang pengajaran terpenting di UPM. Kita perlu mengejar bidang lain untuk menjadi negara maju dalam tahun 2020.

ke muka 2

MENARIK DI DALAM

| | | |
|---|------|----|
| PRO CANSELOR KK7 | muka | 7 |
| FOKUS | muka | 9 |
| AKTIVITI WAKTU CUTI | muka | 10 |
| CERPEN: PENEMUAN DI MINGGU ORIENTASI | muka | 14 |
| INTELEK - TUA DAN KUASA | muka | 16 |

MAHASISWA AKTIF

SIMPOSIUM
PENGAKAP
KEBANGSAANoleh
Mazlah Awang

SIMPOSIUM PENGAKAP KEBANGSAAN telah diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan (PPPL), Universiti Pertanian (UPM), Serdang baru-baru ini.

Simposium dari 27-29 Nov

1993 anjuran Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM), UPM dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Malaysia menggariskan Pergerakan Pengakap Ke Arah Wawasan 2020' sebagai tema bertujuan menilai, merancang dan mengemaskini bentuk latihan kepimpinan dan kemahiran berpengakap bagi mencapai dan merealisasikan matlamat

Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Negara.

Selain itu ia juga membincangkan halatuju pergerakan pengakap selaras dengan peranan dan sumbangan kepada negara serta mengenali dan membincangkan bidang yang perlu diterokai oleh pergerakan pengakap dalam menghidupkan dan

menyemarakkan kembali kegemilangan pengakap.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Dato' Seri Hj. Yang Rashidi Maasom dalam kertas kerja dasarnya berkata visi dan misi pengakap yang terkandung dalam wawasan 2002 bertujuan membina insan berkualiti adalah selaras bagi menangani cabaran 2020 di mana merupakan sebahagian dari misi dan visi negara.

"Sebagai ahli kepada Pergerakan Pengakap Sedunia (WOSM), PPM turut sama dalam menyasar-tentukan tahun 2002 sebagai pencapaian Pengakap Sejahtera yang di namakan sebagai Pertumbuhan Pengakap ke arah 2002.

Tambahnya lagi, fahaman masyarakat bahawa

pengakap bermula dan berakhir di sekolah dan hanya sebagai pengisian masa lapang dan permainan semata adalah celek dan tidak boleh dipakai, justru itu mereka perlu difahamkan dengan situasi sebenar.

"Masyarakat perlu diberi contoh dan teladan dengan menyakinkan mereka tentang tujuan, prinsip dan kaedah Pengakapan, kaedah jangka panjang bagi anak-anak, muda-remaja yang bakal menjadi harapan masyarakat dan bangsa kelak" katanya lagi.

Menurut beliau pemimpin Pengakap pula perlu dari berbagai golongan masyarakat bagi memperkayakan pengalaman Pengakap terhadap keragaman hidup dan orang ramai juga akan memahami bahawa siapa saja tanpa mengira

profesion, taraf dan cara hidup boleh menjadi pemimpin dan bersedia berkhidmat jika mempunyai minat.

Anggapan bahawa Pengakapan adalah dunia sekolah dan kepimpinannya adalah monopoli guru begitu ketara di Semenanjung Malaysia berbanding Sabah dan Sarawak, sehubungan itu, penglibatan pelajar dari pelbagai jurusan pengajian, diharap mampu membetulkan tanggapan tersebut dan seterusnya memperjelaskan peranan universiti amat bermakna dan berharga bagi pembangunan negara dari segi Pengakap, seperti yang ternyata di negara-negara maju dan membangun.

"Anda ahli KLKM yang rela berkhidmat dan interaksi, sambutan dan sikap tentulah berubah caranya,

sebagai pemimpin kelak akan dapat membawa perubahan dalam pelbagai segi, asalkan ada minat, semangat sukarela berkhidmat kepada muda-remaja, bakal pewaris agama, bangsa dan negara," kata beliau lagi.

Beliau turut mengingatkan ahli pengakap tentang pentingnya kegigihan, kecekalan hati dan kesabaran dan semuanya perlukan perkara pokok iaitu semangat dan kejujuran.

Simposium yang disertai oleh ahli pengakap dari seluruh negara itu melibatkan pembentangan 10 buah kertas kerja, forum serta bengkel. Dalam majlis yang sama Ismail Ku Ishak telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Baik dan Abdullah Kamal A. Bakar menerima Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara.

dari muka 1

Sumbangan pertanian dalam Keluaran Negara Kasar (KNK) sangat berkurangan sekali secara relatifnya. Sektor perkhidmatan dan sebagainya mengatasi sektor yang lain. Kita harus melangkah keluar ke bidang yang lain. Sejarah perkembangan Universiti luar juga khususnya Amerika Syarikat, bermula dengan sekolah pertanian yang kecil kemudian berkembang menjangkau pada aspek lain tapi mereka tidak menggunakan pertanian sebagai nama Universiti tapi menamakan dengan tempat atau orang.

KAM: Bagaimana dengan masa depan pelajar pertanian dengan keadaan negara ingin mewujudkan sebuah negara perindustrian?

TNC: Peluang masih ada. Bila manusia mencapai negara perindustrian, pertanian tetap diperlukan kerana manusia perlu makan cuma kepentingannya berkurangan kerana sumbangannya semakin kecil. Pengambilan pelajar pertanian tetap ada di sektor tertentu dan mungkin akan dipertingkatkan dengan aktiviti pehilihan, pemprosesan, aktiviti, "downstream". Selain daripada berorientasikan pengeluaran. Negara perindustrian juga perlukan pertanian.

KAM: Bagaimana pula agaknya pandangan Prof. bila orang mengatakan mahasiswa kini ramai yang jumud?

TNC: Masalah jumud sering benar diperkatakan. Saya menegaskan masalah jumud TIDAK timbul di kalangan mahasiswa masakini. Bila kita bercakap tentang lebih 1200 orang pelajar dan terdapat lebih 100 buah pertubuhan di UPM cuma kita tidak dapat menarik semua orang untuk terlibat dalam kelab atau persatuan. Bagaimana hendak kita mengungkapkan mahasiswa jumud sedangkan setiap kali cuti misalnya untuk 1992, tidak kurang 500 aktiviti yang meminta kelulusan. Setengah-tengah orang mendefinisikan jumud sebagai orang yang membuat bising dan mengangkat sepanduk dan mengatakan semua tak betul dan kemudian mendapat liputan dari media masa. Bentuk itulah mahasiswa yang dikatakan tidak jumud?

Dalam menjawab masalah jumud ini terpulanglah kepada orang yang mendefinisikan perkataan tersebut. Saya berani mengatakan mahasiswa sekarang tidak jumud. Definisi jumud ini perlu diperluaskan lagi kerana ia perlu juga disesuaikan dengan keadaan semasa dan bentuk aktif mahasiswa dahulu dan kini adalah berbeza.

KAM: Dalam menangani masalah jumud ini maka boleh dikaitkan dengan keaktifan mahasiswa. Yang mendatangkan masalah kini ialah terdengar rungutan setengah-tengah pihak menyatakan agar sukar

untuk mendapat bantuan dari HEP untuk beraktiviti, bagaimana pandangan Prof. dalam hal ini?

TNC: Betul, saya mengaku agak sukar untuk memenuhi semua tuntutan kerana bantuan yang tidak mencukupi. Tapi kita terpaksa mengagihkan peruntukan yang ada untuk semua orang. Jika semua iktiviti pelajar nak ditampung sepenuhnya, peruntukkan hanya akan memenuhi jangka masa

melibatkan belanja yang terlalu besar kita perlu mengkaji masalah itu kembali kerana untuk beraktiviti kita yang penting ialah "give and take" bukan sepenuhnya bergantung pada tempat misalnya. Saya rasa pihak universiti tetap menyedia kemudahan dalam bentuk bas dan peralatan. Dalam hal ini perlu ada persefahaman antara pelajar dan pihak pentadbir. Pihak pentadbir tidak

Saya tidak akan membunuh kreativiti pelajar malah tidak pernah menolak kertas cadangan yang diajukan tapi cuma meminta AJK aktiviti tersebut menimbang kembali objektif yang telah dibuat.

KAM: Selain itu Prof. berkaitan dengan kemudahan untuk pelajar dari segi tempat tinggal juga sering dibangkitkan, jadi apakah komen Prof. dalam hal ini?



.. Masalah jumud sering benar diperkatakan. Saya menegaskan masalah jumud tidak timbul di kalangan mahasiswa masakini. . . . Bagaimana hendak kita mengungkapkan mahasiswa jumud sedangkan setiap kali cuti misalnya untuk 1992, tidak kurang 500 aktiviti yang meminta kelulusan . . .

empat bulan saja. Duit sebanyak mana pun tak akan pernah cukup jadi kita perlu menggunakan sumber yang ada. Pengagihan terpaksa dibuat mengikut kepentingan sesuatu aktiviti tersebut. Saya sedar melalui iktiviti mahasiswa dapat membentuk ketrampilan diri tetapi jika ia

berkepentingan untuk menyekat pelajar-pelajarnya. Pihak universiti sentiasa menggalakkan mereka mencari sebanyak mana pengalaman kerana ilmu itu berada di mana-mana. Sebenarnya memang inilah misi dan visi saya, cuma untuk melaksanakannya terbatas kemampuan.

TNC: Saya memang bersimpati dengan pelajar-pelajar yang tidak mendapat tempat di kolej kediaman. Jika diberi oleh pihak pentadbiran, saya ingin membina beberapa banyak asrama untuk pelajar. Tetapi untuk memenuhi keperluan semua orang adalah mustahil, menurut jangkaan

menjelang abad ke-21 kita ada seramai 20000. pelajar dan masalah penempatan ini akan terus wujud. Masalah dihadapi di mana-mana tempat cuma UPM masih bernasib baik kerana belum sampai ke tahap yang begitu meruncingan sehinggakan pelajar baru terpaksa mencari tempat tinggal sendiri walaupun baru saja menjejakkan kaki ke universiti. Kita sering memikirkan masalah pelajar senior yang terpaksa keluar terutamanya tentang keselamatan pelajar perempuan. Sebab itulah kita meminta pihak kolej menimbangkan balik status blok kediaman supaya peluang lebih banyak dibuka untuk siswi. Selain itu pembinaan kolej 10 dan 11 yang dijangka siap menjelang Julai 1995 diharap akan dapat mengatasi sedikit masalah ini.

Pelajar matrik yang dicadangkan untuk dipindahkan ke tempat lain yang masih dalam perancangan. Malah kami merancang dalam jangka masa pendek untuk menambah blok di kolej 4, 5 dan 6.

Pihak pengurusan tidak akan berdiam diri tapi semua ini memerlukan masa dan wang. Kalau ada PKNS yang buat flat berdekatan mungkin kita akan sewa beli untuk projek jangka masa panjang.

KAM: Menurut Arnold Toynbee, seorang tokoh pemikir futuris dunia, kawasan Pasifik Rim akan menjadi alternatif pengwujudan tamadun

akan datang, apa peranan mahasiswa UPM masa itu?

TNC: Pasifik Rim memang akan terjadi. Saya jangka Malaysia akan maju dalam tahun 2020. Pelajar-pelajar kita tidak seharusnya bersedia untuk keluar dan saya percaya pada abad ke-21 ramai orang Malaysia akan memberi khidmat di luar Malaysia sebagai tenaga mahir yang dieksport ke negara-negara membangun seperti Kemboja, Vietnam dan Fiji.

Saya rasa masa di universiti ini adalah langkah pertama untuk melengkapkan diri. Pada pendapat saya antara langkah yang perlu diberi perhatian ialah; mahasiswa harus menguasai satu bahasa asing sekurang-kurangnya Bahasa Inggeris. Yang kedua; berketrampilan iaitu berpengetahuan dalam bidang keusahawanan seperti kemahiran dalam mengendalikannya komputer.

Perlu ada asas sekurang-kurangnya mengenai komputer kerana akan bergerak/dipenuhi dengan komputer untuk masa akan datang. Akhir sekali pelajar harus menanam budaya bagaimana mencari ilmu secara sendiri kerana apabila keluar dari universiti tidak ada lagi orang/pensyarah yang akan menyuruh kita untuk mencari ilmu. Dunia berkembang dan ilmu juga akan terus berkembang.

KAM: Terima kasih Prof.

TNC: Sama-sama

MAHASISWA AKTIF

SHARIF JAJANG

RASMI KAMPUNG ANGKAT

SALAH satu faktor pendorong ke arah pembangunan dan kemakmuran negara ialah kesepaduan dan hubungan yang kukuh di antara setiap ahli masyarakat tanpa mengenal peringkat umur, taraf hidup dan fahaman pemikiran.

Atas kesedaran inilah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi Kampung Kancong Tengah, Mukim Morib/Kelanang, Kuala Langat, Banting, Selangor dan Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM) UPM telah merancang dan mengatur program Khidmat Masyarakat pada 16 hingga 22 November lalu.

Di sepanjang aktiviti ini, semua peserta ditempatkan di rumah keluarga angkat masing-masing, sekaligus ianya merupakan satu cara lansung untuk mendekatkan lagi hubungan peserta dengan penduduk Kampung Kancong Tengah.

Seramai 50 pelajar UPM telah menyertai projek tersebut yang menggabungkan pelbagai aktiviti menarik dengan penduduk kampung termasuk gotong-royong pengubahsuaian perputakaan, kelas-kelas tambahan, untuk

pelajar-pelajar menengah rendah. Tilawatul Quran dan berzanji, sukaneka, ceramah, forum, sukan rakyat dan lain-lain lagi.

"Saya tidak menghadapi sebarang kesulitan ketika memulakan kerja-kerja awal projek ini, malah

oleh
RAHA BT. YACOB
Bac. Sc. Perniagaantani

semua pihak memberi kerjasama dan sokongan penuh terutama dari jawatankuasa aktiviti. Saya benar-benar berharap projek ini memenuhi objektifnya, 'demikian menurut pengarah aktiviti, Saudari Norhayati

Amrose.

Antara lain objektif projek ini ialah memahami masyarakat luar dengan lebih dekat lagi serta memajukan perkongsian idea, tugas dan tanggungjawab bersama di samping meningkatkan lagi perpaduan dan



YB. Dato' Mohd. Sharif Jajang (tengah), Prof. Rahim (kiri) dan Penghulu Mukim Morib/Kelanang, En. Kamarudin (kanan) di majlis penyempurnaan.



PENGARAH...projek ini ke arah perkongsian idea dan perpaduan.

silaturahim ke arah 'mencapai matlamatnya.

Projek khidmat masyarakat ini juga bertujuan menyatukan wawasan kampung dan masyarakat kampus untuk mewujudkan kepimpinan yang cemerlang, pengurusan yang baik dan manfaat bakat yang dimiliki.

Majlis perasmian yang diadakan di Balai Raya Kampung Kancong Tengah pada 17 November dihadiri oleh Timbalan Naib

Cancelor (HEP), Prof. Dr. Rahim b. Md. Sail, Penasihat Kelab Akhbar Mahasiswa, En. Yahaya Salim, peserta, keluarga angkat dan semua penduduk kampung dengan dirasmikan oleh Ahli Perliman Sepang, Dato' Mohd. Sharif b. Jajang.

Acara kemuncak aktiviti ini ialah Malam Titian Kasih yang juga merupakan agenda terakhir dengan persembahan dari para peserta dan penduduk kampung.

KEM BIMBINGAN KELUARGA DAN KAUNSELING

oleh Mazlah Awang

MAHASISWA perlu menghayati potensi diri serta merealisasikan erti dan makna hidup...

Sehubungan dengan itu, seramai 59 orang pelajar Bachelar Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah menganjurkan Kem Keluarga Bimbingan dan Kaunseling di Hutan Lipur Sungai Chongkak, Hulu Langat, Selangor baru-baru ini.

Antara objektif kem tersebut ialah memupuk dan membina kemahiran-kemahiran hidup dan pembentukan sikap proaktif di samping

membina semangat berpasukan dalam kelompok serta mewujudkan semangat kerjasama dan sefahaman untuk ke arah melahirkan satu keluarga yang dinamik.

Aktiviti yang dijalankan dalam kem tersebut lebih menekankan kepada interaksi sesama ahli keluarga dan konsep sendiri positif dan melaluinya peserta diharap dapat membina "kejelekitan" kumpulan sebagai satu keluarga yang harmonis, bersatu padu dan dinamik.

Menurut seorang peserta, Nora'shikin

Edin, 23, dengan adanya program ini, sekurang-kurangnya akan memberi satu pendedahan asas latihan dalam kelompok dan penghayatan kepada program bimbingan dan kaunseling secara mendalam.

"Kem keluarga ini atau program seumpama ini perlu dilanjutkan lagi bagi melahirkan mahasiswa yang prihatin dan iltizam serta bakal kaunselor yang berkualiti dan berkesan," katanya lagi yang merupakan pelajar tahun 1, program Bachelar Pendidikan

MOHD. ZAFIR DILANTIK MEMIMPIN ANGELS

Oleh ZAKARIA TAHIR

PADA sesi ini pasukan ragbi Universiti Pertanian Malaysia atau lebih popular dengan nama Serdang Angels telah memilih presiden mereka yang baru menggantikan Saudara Norsuhaimy Jamaludin yang baru bergraduasi. Saudara Mohamad Zafir Hj. Shafie, Bachelar Pendidikan Jasmani tahun tiga, diberi kepercayaan dan tanggungjawab memimpin pasukan ragbi yang menjadi lambang kebanggaan sukan UPM.

Angels tahun ini mempunyai misi penting dalam memastikan maruahnya sebagai johan antara universiti Malaysia lima tahun berturut-turut tidak tergugat. Menurut Mohamad Zafir, berbagai inisiatif telah diambil oleh Angels untuk menghadapi kejo-

hanan Intervarsity yang mana pada tahun ini buat pertama kalinya diadakan secara liga yang berlangsung selama satu semester bermula 27 Ogos ini. Kejohanan itu akan diadakan secara bergilir-gilir di semua universiti di seluruh Malaysia.

Tahun ini, Angels telah menghantar tiga pasukan ke Kejohanan Liga Selangor sebagai langkah mendedahkan para pemain kepada permainan bermutu. Liga Selangor mempunyai tiga division iaitu Guinness, Anchor dan Boh di mana pasukan ragbi kita diserapkan di ketiga-tiga division tersebut.

Tiga pasukan itu ialah Angels A, Angels B dan Stalion. Angels A adalah pasukan utama yang membariskan pemain berpengalaman

dan memastikan pasukan kita antara pencahar di division 1. Angels B pula merupakan pasukan pelapis kepada pasukan senior UPM. Manakala Stalion adalah pasukan Matrikulasi yang dihantar ke division 3 liga tersebut untuk pendedahan kepada dunia ragbi yang mencahar itu. Stalion juga mempunyai tugas berat dalam mempertahankan kejuaraan Intermatrik. Menjadi hasrat Saudara Mohamad Zafir sebagai presiden untuk mengulangi kegemilangan ragbi UPM yang pada suatu ketika merupakan pasukan yang digeruni di seluruh negara dalam permainan 7 dan 10 sebelah di sebarang kejohanan. Pasukan ragbi kita bertuah kerana mempunyai ramai pemain berkaliber

menggantikan pemain-pemain senior yang telah bergraduasi.

Selain dari yuran keahlian, kelab ragbi juga menjual kelengkapan ragbi seperti seluar dan T-shirt kepada orang ramai untuk mengukuhkan sumber kewangan.

Saudara Mohamad Zafir mengharapkan kesungguhan dan persefahaman oleh para pemain terutamanya ketika menjalani latihan ditingkatkan demi memastikan Serdang Angels sebagai pasukan yang menaikkan nama universiti dan sentiasa disegani.

Berhubung dengan itu beliau mengharapkan para pelajar UPM memberikan sokongan kepada pasukan ragbi yang mengadakan perlawanan dengan pasukan lain.

MAHASISWA AKTIF

HARI SILATURAHIM VETERNAK 93/94

Oleh: Ahmad Supian Abdullah

Kehadiran mahasiswa-mahasiswa baru ke Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Perubatan amatlah di alu-alukan lebih-lebih lagi dengan kehadiran kumpulan pertama program baru iaitu Bachelor Sains (Sains Bioperubatan).

Bagi mengeratkan lagi ikatan silaturahmi dan kekeluargaan di kalangan mahasiswa baru dan lama, Veternak telah mengadakan satu majlis silaturahmi pada 28 Julai 93 bertempat di Dewan Syarahan fakulti bermula jam 2.30

Majlis silaturahmi ini merupakan acara tahunan dan dikendalikan oleh pelajar-pelajar tahun tiga program Doktor Perubatan Veterinar bertemakan "Kreativiti dan Inovasi Ke Arah Generasi Baru."

Dekan FKVSP, Profesor Dr. Haji Abdul Latif Ibrahim dalam ucapan perasmian mengingatkan kepada para pelajar agar dapat menyelami budaya ilmu di fakulti dengan mendalam, mewujudkan suasana kekeluargaan dan sentiasa kreatif sela-

ras dengan tema majlis silaturahmi.

Beliau juga berharap pelajar program Bachelor Sains (Sains Bioperubatan) agar menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengajian mereka sama seperti pelajar lain yang mengikuti program yang sama di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam majlis ini berbagai acara persembahan hasil gabungan pelajar baru dan yang lama telah diadakan dengan meriahnya.



Siswa...tidak wajar bercinta

REMAJA DAN CINTA

ZAILANI ISMAIL
ROSLINA YUSOF
BSPT

REMAJA hari ini, mahasiswa kampus khususnya terlalu terdedah dengan budaya perlu ber'couple' dalam menjalin hubungan cinta sehingga menimbulkan akibat buruk selain melanggar lunas-lunas agama.

Justeru di atas kesedaran inilah, Sekretariat Kerohanian, KK6 telah mengundang khas Ustaz Haji Daud Norakit memberi ceramah di bawah tajuk 'Remaja dan Cinta' yang diadakan di Dewan Sri Pulasan pada 18hb. Ogos 1993.

Sambutan yang begitu menggalakkan telah diterima dengan kehadiran hampir 200 orang penghuni kolej-kolej kediaman UPM termasuk penghuni bukan Islam dan lebih memberangsangkan dengan kehadiran beberapa orang pelajar daripada UKM.

Bagi memeriahkan lagi majlis, kumpulan nasyid Sinar Taqwa iaitu kumpulan nasyid KK6 telah mempersembahkan tiga buah lagu sebelum ceramah dimulakan.

Ceramah dimulakan dengan memberi definisi cinta iaitu perasaan sayang yang lebih tinggi (sanggup berkorban) kepada ibu bapa, agama, negara dan sebagainya, walau bagaimanapun dalam konteks perbincangan cinta didefinisikan sebagai perasaan asyik antara lelaki dan perempuan.

Beliau menegaskan bahawa untuk bercinta haruslah mempunyai matlamat akhir kerana cinta itu terlalu mulia untuk dipermainkan dan menagih sepenuh masa untuk dihayati.

Atas alasan inilah beliau menambah, siswa dan siswi tidak seharusnya bercinta sekarang dan perlu menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran tetapi beliau tidak menafikan bahawa setiap manusia itu perlu dicintai dan menyintai.

Beliau amat terkilan dengan remaja kampus hari ini yang keterlaluan dalam bercinta sehingga mendatangkan akibat-akibat buruk yang bukan sahaja kepada dirinya malah mengheret sama keluarga dan status universiti.

Justeru mahasiswa perlu prihatin dengan tanggungjawab sebenar agar akan lahir mahasiswa dan mahasiswi yang berkualiti dan berwawasan tinggi.


HARI KELUARGA KELAB MATEMATIK

Oleh: NORRIZA HARUN

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada hari tersebut ialah acara sukaneka, treasure hunt dan acara persembahan oleh para pelajar dan pensyarah. Dalam acara sukaneka dan treasure hunt telah dimenangi oleh para pelajar yang mewakili tahun 3. Persembahan menarik daripada para pensyarah yang diketuai oleh Ketua Jabatan Matematik, Dr. Abd. Malik Abu Hasan turut menghiburkan. Antaranya ialah acara berbalas pantun dengan para pelajar serta persembahan solo pendeklamasi sajak oleh

tiga pensyarah yang amat dihormati iaitu Dr. Abd. Malik, Dr. Isa dan Dr. Yussof. Sajak-sajak telah direka khusus yang berjudul Antara Sudut, Aku, Statistik dan Mahasiswa serta sajak bertajuk Tunas-tunas Harapan. Acara untuk anak-anak pensyarah juga turut diadakan. Persembahan anak-anak Puan Suriah turut memeriahkan suasana.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Dr. Harun Budin bagi acara kanak-kanak dan treasure hunt, manakala Dr. Abd. Malik pula menyampaikan hadiah bagi



Prof. Mohamed

acara sukaneka.

Kelab Matematik Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar Universiti Pertanian Malaysia telah mengadakan hari keluarga kelab tersebut pada 1 Ogos 1993 bertempat di Padang Ragbi A, depan Fakulti Ekolo-

gi Manusia.

Upacara perasmian ini telah dilakukan oleh Dekan Fakulti berkenaan iaitu Prof. Dr. Mohammed Sulaiman. Hari keluarga ini bertujuan untuk merapatkan hubungan di antara para pelajar dengan pensyarah serta kakitangan di Jabatan Matematik. Kemesraan yang wujud pada hari tersebut diharapkan menjadi teras kepada para pelajar untuk membiasakan diri mereka dengan pihak di Jabatan Matematik terutama dengan pra pensyarah yang mengajar. Menurut Saudara

Mohd. Bakri Adam selaku Pengarah Hari Keluarga dan Pengerusi Kelab Matematik Sesi 1993/94, hari keluarga ini diharapkan agar semua pelajar dapat mengenali di antara satu sama lain dengan baik. Lagipun, ia juga untuk menafikan kepada tanggapan umum bahawa mereka yang berkebolehan dalam matematik dan statistik tidak gemar kepada sukan. Beliau turut melahirkan rasa gembira kerana kedua-dua belah pihak telah bekerjasama dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancang. Sesungguhnya inilah program terbaik yang dianjurkan oleh kelab ini sepanjang 3 tahun beroperasi.

MEMUPUK KASIH

Zailani Ismail
BSPT

SERAMAI 96 penghuni 'second floor' Cermat dan Salak telah mengadakan malam muhibah yang diadakan di Dewan Sri Pulasan, KK6 tepat jam 8.30 malam pada hari Sabtu 7hb. Ogos, 1993.

Majlis yang mengambil masa lebih kurang dua jam itu bertujuan merapatkan hubungan para penghuni di samping memberi peluang kepada ahli tingkat mempelajari cara-cara berorganisasi.

Antara acara yang memeriahkan malam itu seperti mencari pasangan paling ideal putera puteri anggun dan acara kemuncak ialah persembahan spontan yang disertai oleh penghuni-penghuni yang berbakat.

Pengarah bagi majlis ini yang ditemui, Zainuddin Zainal Abidin, 20 berkata, "Saya amat berterima kasih kepada para penghuni atas kerjasama yang diberikan, jelas menunjukkan mereka memahami maksud sebenar majlis itu selain daripada hiburan semata-mata.

PRO-CANSELOR DI KK7

Oleh: NINI UNICK MAHBUD

Pro-Canselor Universiti Pertanian Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Taib Mahmud telah merasmikan Sambutan Dekad Kolej Kediaman Ketujuh pada 31hb. Julai 1993. Perasmian tersebut turut dihadiri oleh Naib Canselor Profesor Tan Sri Dato' Dr. Nayan Arifin, Timbalan Naib Canselor, pengetua-pengetua kolej dan pegawai-pegawai utama Universiti Pertanian Malaysia.

Dalam ucapan perasmian, Pro-Canselor telah mengucapkan tahniah di atas perkembangan dan kemajuan Kolej Kediaman Ketu-

juh sebagai kolej PALAPES selama satu dekad. Beliau juga bangga di atas kejayaan kolej tersebut di mana telah melahirkan ramai anggota PALAPES yang berprestasi.


Menurutnya, sambutan dekad seperti ini merupakan suatu yang bermakna bukan sahaja kepada kolej malah universiti turut berasa bangga di atas pelaksanaan sambutan ini sempena sepuluh tahun penubuhan Kolej Kediaman Ketujuh.

Tambahnya lagi, dalam menangani masalah keselamatan, negara memerlukan golongan intelektual seperti ma-

hasiswa universiti yang diberi pendedahan ketenteraan selaras dengan dunia masa kini yang berteknologi canggih.

Sambutan Dekad KK7 yang julung-julung kali diadakan ini diserikan dengan berbagai acara menarik selama lima hari. Sambutan ini tidak ketinggalan juga melibatkan masyarakat luar sebagai peserta aktiviti-aktiviti yang diadakan di samping masyarakat kampus yang turut serta mengambil bahagian.

Hari perasmian ini telah dimeriahkan dengan beberapa acara menarik oleh anggota PALA-



MAHASISWA...perlu prihatin

mengendalikan motosikal dengan kereta dengan tunjukkan "repelling" di aksi-aksi yang mempelembatkan anggota-anggota sonakan dan begitu memalukan. Pasukan pancaramahirannya menggunakan PALAPES tidak kan tali telah turun dari ketinggian menghidup-bangunan tinggi. Polis kan lagi suasana dengan Diraja Malaysia juga rangkaian lagu dan gerabermurah hati mengadakan mereka. Di samping itu, gerai "stunt" yang mendebar-gerai pameran dan jualan hati para penonton. an juga disediakan oleh ASP Nazmi memper-pihak kolej kediaman lihatkan kecekapannya untuk para pengunjung.

MAHASISWA INTELEK

KECEMERLANGAN DAN KESINAMBUNGAN BUDAYA MENUNTUT ILMU

OLEH
RAHIM MD. SAIL

Kualiti, sama ada untuk meningkatkan lagi ataupun mempertahankan tahap yang sudah dicapai, adalah menjadi matlamat utama bagi seseorang individu ataupun sesebuah organisasi agar boleh terus bersaing bagi mencapai kecemerlangan, prestasi dan produktiviti tinggi, bagi memajukan individu ataupun organisasi berkenaan. Kualiti seharusnya dijadikan matlamat yang berterusan, matlamat yang harus sentiasa dikejar untuk mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi. Kualiti, produktiviti tinggi dan sikap positif adalah merupakan ciri-ciri asas untuk mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi. Tahap kecemerlangan yang tinggi ada kaitannya dengan minda dan perlakuan berkualiti.

Titik Permulaan Budaya Menuntut Ilmu

Di peringkat universiti, titik permulaan budaya menuntut ilmu bermula dengan mengikut program dan aktiviti suaikenal yang telah disusun dan diatur dengan sedemikian rupa untuk memberi pendedahan awal kepada budaya penghidupan kampus. Program minggu suaikenal bolehlah didefinisikan sebagai proses awal pendedahan mahasiswa baru kepada penghidupan di universiti, yang merangkumi sistem dan peraturan dan seterusnya membimbing mahasiswa mencari tujuan berada di universiti agar pada akhirnya mereka mampu mempunyai satu wawasan diri yang jelas. Hasil dari wawasan tersebut dijangka akan lahir seorang mahasiswa yang:

- mampu mempunyai objektif diri sebagai seorang siswa.
- mampu wujud suatu perancangan.
- kenal tugas dan peranan sebagai seorang siswa.

Bahagian Hal-Ehwal Pelajar telah merancang falsafah untuk minggu suaikenal sebagai panduan asas bagi merangka program dan aktiviti minggu suaikenal. Falsafah itu adalah seperti berikut:

Pengenalan awal dalam usaha mencari ilmu secara berterusan, membentuk ciri-ciri kecemerlangan, kesejahteraan, kemanusiaan, kebenaran dan yang kenal kepada pencipta untuk menjadi cendekiawan yang berakhlak.

Matlamat Minggu Suaikenal

Matlamat Minggu Suaikenal adalah untuk memberi pendedahan kepada bakal mahasiswa dalam proses:

- (a) Penghayatan ilmu dan kepentingannya dalam kehidupan.
- b. Penciptaan/penguasaan kecemerlangan dengan potensi dan sumber yang ada.
- c. Pengenalpastian tugas dan peranan mahasiswa sebagai masyarakat berakhlak.
- d. Pengenalpastian fungsi dan peranan universiti.
- e. Pengwujudan masyarakat mahasiswa yang cintakan negara.

Fungsi Universiti

- (a) Latihan minda (Training of the minds).
 - Membentuk warganegara yang berguna dan boleh menyesuaikan diri dengan persekitarannya dan berkemampuan menghadapi cabaran hidup sebagai ahli dalam masyarakat.

- (b) Menyediakan kepimpinan intelektual
 - Terdiri dari pakar-pakar dalam berbagai disiplin dan mahasiswanya harus mencapai tahap keintelektualan yang setara dengan label "Pelajar Universiti".
- (c) Pembentukan talent
 - Menyediakan program dan perkhidmatan pendidikan untuk membolehkan mahasiswa mencapai tahap pendidikan yang diinginkan (diploma, bachelor, masters dan Ph.D.).
 - Falsafah elitist Vs Pembentukan talent (latihan minda)

| | |
|---|----------------------------|
| tenggelam dan timbul (Sink-or-swim) | Bimbing dan bantu |
| Universiti sebagai "academic obstacle course" | Mempertajamkan ketrampilan |
 - Gading Menara
- (d) Mengeluarkan graduan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dinamik, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan sensitif terhadap kehendak dan masalah masyarakat (aspek kemahiran hidup).

Kalau fungsi universiti, seperti yang dibentangkan dipersetujui, maka pengalaman pembelajaran di bilik-bilik kuliah yang dibentuk secara formal tidak mencukupi. Pengalaman pembelajaran di luar bilik kuliah dan diatur secara formal ataupun tidak formal seharusnya menjadi **pelengkap** untuk memenuhi fungsi sesebuah universiti.

Tujuh Tabiat Orang Yang Paling Berjaya

- (1) Proaktif (Prinsip Visi Peribadi). You control your own destiny. Saudara-saudari menguasai segala perancangan untuk diri.
- (2) Mulakan dengan matlamat yang menjadi idaman (Prinsip kepimpinan peribadi).
- (3) Letakkan perkara yang penting dahulu (Prinsip pengurusan peribadi — disiplin diri).
- (4) Fikirkan kemenangan/kejayaan dan bukan kegagalan (Prinsip kepimpinan bersemuka — Principles of interpersonal relationship).
- (5) Usaha untuk memahami sebelum meminta untuk difahami (Principles of emphatic communication). Keupayaan meletakkan diri sendiri dalam situasi orang lain.
- (6) Pengemblengan (Synergise). (Principles of Creative cooperation). Kebolehan mewujudkan kerjasama yang kreatif.
- (7) Mempertajamkan pengetahuan/kemahiran (Principles of balanced self-renewal).

Penghasilan hanya boleh **dituai** selepas kita semai, baja dan juga dengan sempurna. (Law of harvest Prinsip tuaian). Kalau tidak dipelihara ruyung, manakan dapat sagunya.

ke muka 7



PROF. RAHIM...sikap positif asas kecemerlangan

OPERASI LAUT KURSUS PERIKANAN GUNA KAPAL BARU

SERAMAI 150 penuntut Universiti Pertanian Malaysia telah menjalankan Operasi Laut 1993 bertempat di Pulau Redang, Terengganu pada 4-11 September 1993.

Mereka adalah terdiri daripada penuntut-penuntut diploma perikanan tahun III dan bachelor Sains Perikanan Tahun III yang ditempatkan di Universiti Pertanian Malaysia cawangan Terengganu.

Operasi itu turut disertai oleh beberapa penuntut tahun akhir bagi kursus 'marin' dan pasukan penyelam Fakulti Perikanan UPM yang terbabit dalam operasi pengambilan sampel karang dan kajian organisma bentik.

Operasi ini adalah bertujuan untuk memenuhi latihan amali para pelajar dalam kursus-kursus PST 160 (Kaedah Penangkapan Ikan I), PST 161 (Kaedah Penangkapan Ikan II) dan

PST 272 (Pengendalian Ikan) bagi pelajar diploma.

Bagi pelajar bachelor mereka yang terlibat adalah calon yang mengambil kursus PSS 345 (Ekosistem Laut Tropika), PSS 445 (Ekologi Bantik) bagi pelajar tahun akhir dan PST 272 sebagai kursus elektif.

Sebanyak dua buah bot fakulti Perikanan UPM terlibat dalam operasi ini iaitu Unipertama 1 dan Unipertama III dengan bantuan dua buah bot laju dan sebuah kapal baru, Unipertama V, milik fakulti itu.

Unipertama V adalah kapal baru kepunyaan fakulti seberat 5000 kg dan boleh memuatkan seramai kira-kira 100 orang digunakan untuk mengangkut pelajar dan kakitangan serta peralatan ke tempat perkhemahan semasa operasi dijalankan.

Seramai lima orang

pensyarah fakulti yang mengendalikan kursus-kursus yang berkenaan turut serta dengan dibantu oleh enam orang juruteknik, empat pembantu makmal, 13 orang kakitangan marin dan 4 orang tukang masak.

Menurut seorang pensyarah yang terlibat, Haji Abdul Rahim Ibrahim, antara matlamat operasi ini ialah sebagai satu latihan kepada pelajar dalam pelbagai aspek seperti mengendali bot, pendedahan kepada aktiviti pelayaran, peralatan elektronik, pengambilan sampel dan data oseanografi.

Beliau yang juga selaku Pengerusi Operasi Laut 1993 menambah, pendedahan ini amat perlu bagi pengetahuan pelajar dalam perikanan dan persekitaran laut dan merupakan aktiviti tahunan fakulti ini.

IDEA DAN MANUSIA

UBAH KONSEP CUTI

Oleh: RAHA YACOB

SELALUNYA perkataan cuti bermaksud suatu masa yang diruangkan untuk berehat. Bagi seorang pelajar, cuti selalunya membawa konotasi tidak ke sekolah, tidak perlu belajar, boleh tidur dari waktu subuh ke waktu zuhur dan boleh bersembang-sembang seti masa.

Begitu juga bagi mahasiswa, cuti semester merupakan waktu untuk berehat-rehat di kampung setelah lima bulan berperang dengan nota-nota kuliah. S e s e t e n g a h berpendapat tidak ada lagi sesuatu yang lebih indah melainkan menunggu waktu cuti.

Kosa kata cuti itu sendiri sudah memberi imej yang menggambarkan suasana bersuka ria, berehat-rehat, tiada kerja yang perlu dilakukan dan keinginan untuk melupakan peranan dalam hidup.

Generasi pelajar termasuk mahasiswa adalah mereka yang bakal mewarnai tahun 2020. Tahun 2020 merupakan dateline bagi negara bangsa Malaysia mencapai tahap negara maju yang diimpikan oleh pemimpin negara terutamanya Perdana Menteri.

Ciri masyarakat industri ialah mereka yang berusaha bersungguh-sungguh, gigih, rajin dan berani untuk melakukan sesuatu. Bukan sahaja ciri budaya masyarakat industri ialah mereka yang mempunyai nilai-nilai murni dalam malah juga mampu mempertahankan keperibadian bangsa dan nasionalismenya.

Oleh itu masa rehat bagi pelajar dan mahasiswa adalah tidak ada kerana waktu cuti sebenarnya bukan cuti, sebaliknya ia adalah peluang untuk memperkayakan

khazanah diri dengan menambah dan menganalisis pengalaman bagi memungkinkan menjadi peserta kepada pembentukan masyarakat industri 2020.

Ketua Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar UPM, En. Yahya Salim, 44, berkata konsep cuti sepatutnya diubah supaya masyarakat pelajar di seluruh negara dapat berhidup dalam suasana progresif dan sentiasa dalam iklim keilmuan.

"Inti kepada perubahan ke arah pembentukan budaya masyarakat yang maju adalah dalam iklim keilmuan, bermakna setiap saat diri perlu dengan ilmu," katanya.

Menurutnya lagi pelajar perlu mengisi ruang waktu selepas belajar di sekolah atau mahasiswa dengan belajar secara tidak formal. Mungkin sahaja



BEREHAT..haruskah masa cuti terbuang begitu saja?

mereka boleh berguru dengan alam supaya minda tidak menganggur.

Dr. Nordin Kardi, Pensyarah Kaunseling di Fakulti Pendidikan UPM, berkata, setiap pelajar mempunyai potensi yang sangat tinggi untuk berkembang umpama pokok yang terus mengeluarkan pucuk dan daun.

Kita sebagai manusia, menurut Dr. Nordin Kardi perlu berubah setiap saat. Menurutnnya lagi, walaupun rutin hidup kelihatan seperti biasa

tetapi perubahan spiritual mesti semakin meningkat.

Perubahan konsep akan memungkinkan perubahan dari sudut pandang pengertian cuti itu. Dengan demikian, akan membawa kepada perubahan sikap yang akan selari dengan konsep baru itu.

Barangkali boleh juga difikirkan apakah perkataan yang paling sesuai dengan istilah cuti itu, lihat sahaja kalau kita m e n g g u n a k a n perkataan "cuti sambil berfikir" sudah lain kesannya ke dalam akal

kita.

Keindahan hidup dicapai apakala meletakkan harapan dan impian di hadapan sebelum harapan itu menjadi realiti. Idea ini adalah satu kerangka untuk memahami konsep cuti ke arah pembelajaran dan pengisian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir selalu mengingatkan masyarakat Malaysia agar bekerja keras untuk menjadikan Malaysia ini sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Katanya, rakyat Malay-

sia perlu berjiwa besar untuk memasuki abad ke-21.

Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w apabila ditanya oleh sahabat-sahabatnya tentang bilakah waktu berehat, jawabnya ialah waktu sebenar-benarnya rehat ialah bila kita diletakkan di dalam liang lahad. Bermaksud, di dunia ini adalah diberi peluang untuk kita berjuang bersungguh-sungguh untuk m e n e g a k a n kemanusiaan.

OBS DI LUMUT

NORAIIDIL RAZMAN ABD. MANAP
BAC. KEJ. (ELEK/KOMP)

Cabaran dan pengalaman. Itulah yang telah dilalui oleh empat peserta Universiti Pertanian Malaysia di dalam Kursus Standard di Sekolah Latihan Semangat, Lumut, Perak (Outward Bound School) pada 4 hingga 28 Mei 1993 yang lalu.

Mereka adalah terdiri daripada Saudara Abdul Latiff Haji Mohidden, Saudara Noraidil Razman Abdul Manap, Saudari Salmiah Abdul Kadir dan Saudari Khadijah Ahad.

Kursus selama 25 hari itu disertai juga oleh 38 orang peserta lain dari

seluruh Malaysia. Para peserta telah diuji dengan berbagai cabaran melalui aktiviti-aktiviti seperti rock climbing, repelling, berkayak, belayar dan ekspedisi darat dan laut. Melalui cabaran yang dilalui ini, peserta dapat meningkatkan tahap pengharapan seseorang dan melatih diri menjadi lebih positif terhadap keupayaan dan kebolehan diri sendiri dalam menghadapi cabaran hidup.

Menurut seorang peserta yang terpilih, Saudari Khadijah Ahad, 22 BSP, berkata, "akhir-

nya saya sedar bahawa saya boleh melakukan sesuatu jika saya berfikir positif dengan mengatakan saya boleh. Ini terbukti apabila saya berjaya memanjat batu (rock climbing) setinggi 30 meter tanpa bantuan orang lain."

Bagi pelajar Tahun 1, program Pendidikan Jasmani, Saudara Abdul Latiff Haji Mohidden pula merasakan bakat kepimpinannya teruji semasa menjadi ketua kumpulan di mana ahli kumpulan terdiri daripada orang yang lebih dewasa darinya.

"Cara kita berkomunikasi amat penting untuk menjamin hubungan yang harmoni dengan semua orang," tambahnya lagi.

Keempat-empat peserta UPM telah dianugerahkan dengan 'Merit Badge' oleh Warden OBS, Lumut, Mr. V.A. Allan AMN pada hari terakhir kursus. Anugerah tersebut hanya diberikan kepada peserta yang menunjukkan kecemerlangan sepanjang kursus dalam semua aspek termasuk kepimpinan, inisiatif, kreativiti, pergaulan dan sahsiah



MENCABAR...melatih diri menjadi positif

Seorang petani. . . bila buah masak ranum ia pergi tanpa menjamah sebiji pun buah.

PEMBINA PENTAS IALAH MANUSIA YANG HINA

EKONOMI

TUNJANG PENDIDIKAN DAN PENCAPAIAN EKONOMI YANG RANGGI

Oleh
Laupa Junus

Pada tahun yang lepas, penulis telah menghadiri Kongres Cendekiawan Melayu Ke-3 bertempat di Institut Teknologi Mara (ITM), Shah Alam dan ingin dipetik satu resolusi prinsip yang dibentuk oleh himpunan para cendekia – budayawan Melayu itu.

Resolusi prinsip yang dibentuk antara kenyataannya: "kemajuan dalam bidang material mestilah disusuli secara bergandingan oleh pembangunan dalam aspek agama, moral, dan nilai yang bertunjangkan kehidupan masyarakat serata," satu pernyataan yang mengusik nurani saya betapa kita mempunyai agenda yang kuat bagi membentuk masyarakat Melayu yang gilang-gemilang, sekurang-kurangnya akan diwarisi oleh generasi pelapis dalam kehidupan bernegara di tanahair sendiri.

Selepas memasuki era 90-an kita bergerak melalui dimensi ekonomi yang dirangkum dalam Dasar Pembangunan Nasional dan menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dikatakan kurang menepati sasaran.

Prof. Diraja Ungku Aziz yang ditemuramah oleh majalah Mastika (September 1987) menyatakan bahawa jika keadaan ekonomi orang Melayu hendak diperbaiki, segala aspek penting ekonomi, kesihatan dan pendidikan mesti diutamakan terutamanya di desa kerana hampir tiga perempat orang Melayu adalah penghuni desa.

Pandangan beliau adalah menggambarkan bahawa golongan masyarakat kampung harus disediakan dengan prasarana dan pendidikan yang mencukupi dalam usaha kita memajukan ekonomi orang Melayu seluruhnya. Tanpa menafikan usaha berkenaan, saya suka melihat dari sudut memajukan ekonomi orang Melayu sebagai pengurus, tokoh korporat ataupun usahawan. Pemilikan saham orang-orang Melayu juga harus ditingkatkan kerana ia amat penting dalam keadaan ekonomi

yang boleh mencapai pertumbuhan kira-kira 8% setahun.

Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) yang dibentuk telah digunakan kira-kira RM870 juta dan diguna – manfaat oleh kumpulan sasaran walaupun mereka tidak mungkin menjadi kaya untuk jangka masa yang singkat.

Menurut laporan Dewan Masyarakat (DM, Ogos 1993), menyatakan bahawa rizab antarabangsa kita iaitu jumlah matawang asing yang terkumpul dalam simpanan Bank Negara telah meningkat dengan kadar tertinggi dalam sejarah. Dilaporkan bahawa peningkatan rizab ini ialah sebanyak RM16.7 billion menjadi RM47.2 bilion pada akhir tahun 1992.

Laporan itu juga menganggarkan bahawa pertumbuhan Kadar Keluaran Negara Kasar (KDNK) dijangkakan akan mencapai antara 7.5% hingga 8.0% dengan inflasi di sekitar 4.5%. Prestasi ekonomi ini tidak bermakna andainya kita belum mampu melibatkan diri atau

pun sebagai penyumbang kepada peningkatan angka-angka berkenaan yang sewajarnya satu kebanggaan kepada kita dengan keranggaan prestasi ekonomi negara.

Untuk dekad yang akan datang, persaingan dalam dunia perniagaan akan menjadi lebih hebat. Bermakna usahawan-usahawan Melayu harus melihat impak ini sebagai suatu yang positif dengan mencari peluang-peluang perniagaan apatah lagi dalam keadaan suara Malaysia sudah didengari di merata dunia dan ekonomi negara nampaknya turun – naik ombak prestasinya dibawa arus ekonomi antarabangsa.

Kita teringat kata-kata Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib beberapa bulan yang lalu yang menukarnya Melayu Baru adalah Melayu Antarabangsa yang bermaksud Melayu yang bukan dikekang dengan adat tradisi yang muluk-muluk dan budaya yang ketinggalan.

Kata-kata beliau ini ditambah lagi dengan kenyataan tokoh sejarah Prof. Datuk Khoo Kay Kim bahawa Melayu Baru yang dicitakan adalah Melayu korporat atau masyarakat perindustrian Melayu.

Sama ada bersetuju atau sebaliknya, timbul pula tuhmahan dan angapan bahawa Melayu Baru yang dicitakan ini

adalah satu wawasan yang memisahkan nilai-nilai murni, walhal nilai-nilai inilah yang menjadi teras kepada pembentukannya.

Saya menyimpulkan istilah ini adalah berbau politik dan ekstrim dan datang dari jiwa dan semangat yang bersarangnya sifat parokial (parochialisme) yang mempunyai maksud untuk campur tangan menggagalkannya. Mereka beranggapan ianya satu usaha mensekularkan bangsa Melayu dalam dunia kapitalis dan perindustrian.

Apabila keadaan ini berlaku maka rasuah, penipuan, skandal pecah amanah menjadi penyakit dalam masyarakat Melayu. Sementara kaum-kaum lain menjadi pendukung parti pembangkang menyatakan rasa tidak puas hati kerana agenda Melayu Baru ini menghakis peluang mereka dalam aktiviti ekonomi. Akhirnya mereka akan menjadi tertinggal dan peluang menjadi semakin terhad.

Untuk mengatasi masalah ini, kita perlu merangka satu usaha di mana institusi-institusi yang dimonopoli oleh usahawan, korporat, budayawan dan cendekiawan Melayu meneruskan usaha membincang, membahas dan merumuskan satu kaedah yang dapat menghalakan Melayu baru seperti yang sepatutnya. Setakat ini

hanya Kongres Cendekiawan Melayu dan Kongres Ekonomi Bumiputera yang dikira sebagai satu inisiatif menjalan usaha-usaha sedemikian.

Itu pun isu ekonomi menjadi hangat di sekitar kongres sahaja sehinggalah kongres berikutnya menjelang. Sepatutnya wacana yang lebih besar dan kerap dilakukan dan dapat menghimpunkan tokoh-tokoh Melayu dan ahli politik tampil memperjelaskan dari semasa ke semasa betapa pentingnya masyarakat Melayu dibangunkan dalam konteks yang lebih meluas dan kompetitif.

Selepas agenda ekonomi dibincang, satu lagi bidang agenda ialah pendidikan. Tahun ini sahaja dijangkakan 15,422 graduan dari institusi-institusi pengajian tinggi akan dikeluarkan. Sama ada mereka mahir, separuh mahir dan terletak dalam bidang masing-masing bergantung kepada pasaran pekerjaan yang mereka akan penuhi.

Cumanya, kita telah memahami hakikat bahawa kerajaan sudah melabur dalam bentuk wang, prasarana dan tenaga dalam bidang pendidikan melalui pelbagai agensinya. Pendidikan yang dimaksudkan ini ialah sistem pendidikan yang melahirkan masyarakat yang bukan sahaja tahu mendapatkan sumber, malah tahu memanfaatkan sumber barulah tindakan yang bijak dilakukan pada mana-mana keadaan. Tia-

da siapa yang dapat menafikan masyarakat berpendidikan menjadi aset utama untuk memajukan negara dalam pelbagai aspek. Ziauddin Sardin dalam bukunya Sains dan Pembangunan Di Negara-negara Islam menyatakan bahawa ekonomi pertanian harus dimanfaatkan sebagai sumber asas kemajuan, tetapi kalau diaplikasikan dalam masyarakat Melayu hari ini kerana peluang pendidikan yang begitu terbuka maka orang Melayu perlu keluar dari 'kepompong lama' untuk menjadi peserta kepada dunia perniagaan sebagai usahawan walaupun di peringkat yang kecil.

Satu lagi aset bangsa Melayu ini ialah golongan belianya. Golongan inilah yang perlu diberi penekanan lebih melalui pelaburan kerajaan dalam bidang pendidikan.

Mereka inilah yang diharap mempunyai tahap ilmu yang tinggi, menguasai teknologi dan maklumat selain upaya berfikir yang mampan. Penguasaan teknologi dan maklumat misalnya, diharapkan dapat merubah struktur masyarakat Melayu yang bermula dengan institusi keluarga. Kalau dari satu keluarga wujud satu individu usahawan, ini tidaklah mencukupi kerana masih tidak menjamin perkembangan yang seterusnya. Yang dikehendaki ialah dalam satu kelompok masyarakat dari beberapa keluarga terkumpul, wujud usahawan-usahawan atau individu ber-

pendidikan tanpa mengambil kira dari keluarga mana ia datang baharulah diyakini pengaruhnya. Bermaksud, kalau dari pelbagai keluarga tadi, belum ada yang mewakili keluarganya maka ia tidak menjadi soal kerana faktor pengaruh keseluruhan lebih bermakna.

Inilah yang menjadi prasyarat yakni pendidikan dan pencapaian ekonomi menjadi agenda penting Melayu baru dari semasa khususnya dalam era memasuki gerbang pasca – tradisional demi menjadikan Melayu itu mengamalkan strukturalisme pembangunan.

H. G Manmuar dalam kertas kerjanya mengenai Ekonomi Politik memperihalkan peringatannya pengkhususan dari segi akademik. Teori ini dikatakan bermula selepas Perang Dunia Kedua dan dinamakan tradisi klasik bentuk baru (neo – classics). Sedikit intisari yang ingin dipetik dari teori ini ialah bagaimana sebenarnya pendekatan yang perlu diambil untuk memajukan sektor atau bidang pendidikan di negara ini.

Tunjang pendidikan dan pencapaian ekonomi yang ranggi ini hanyalah satu parameter untuk mengukur tahap kemajuan orang Melayu. Ianya bukanlah satu jaminan sebagai 'survival' ketuanan orang Melayu dalam masyarakat negara – bangsa yang diketahui bersifat pluralisme ini.

dari muka 5

KECEMERLANGAN MAHASISWA MENGIKUT TNC

Peranan Mahasiswa

- (1) Mahasiswa seharusnya ada wawasan diri yang jelas sebagai seorang mahasiswa dan juga wawasan diri dalam bidang kerjaya.
- (2) Mencapai tahap akademik yang cemerlang.
- (3) Aktif dalam aktiviti ko-kurikulum.
- (4) Pandai mengurus masa.
- (5) Pandai mengimbangi aktiviti duniawi dan ukhrawi.

Ketrampilan Akademik

Mahasiswa seharusnya mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sedalam mungkin berkaitan dengan sesuatu bidang profesional yang tertentu seperti sains komputer, kejuruteraan, pertanian, perikanan dan sebagainya. Kecemerlangan akademik menjadi asas untuk memiliki sesuatu kerjaya. Oleh yang demikian ia haruslah dilaksanakan dengan penuh minat dan dedikasi.

Ketrampilan Kemahiran Hidup

Mahasiswa seharusnya bersedia untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan kemahiran berkepemimpinan, mengambil keputusan, berkomunikasi dan etika pengaulan yang sihat di samping mempunyai akhlak yang mulia, bertanggungjawab dan peka kepada kehendak semasa. Kecemerlangan ini biasanya akan diperolehi melalui penglibatan dalam program dan aktiviti ko-kurikulum seperti melibatkan diri dalam sukan, dalam persatuan-persatuan dan kelab di samping menganjurkan dan mengikut serta dalam seminar, forum dan bengkel.

Kedua-dua kecemerlangan yang tersebut di atas,

iaitu kecemerlangan akademik dan kecemerlangan kemahiran hidup tidak akan mencukupi untuk menghadapi sebuah negara maju dalam tahun 2020. Sebagai kumpulan yang akan mewarisi kepimpinan negara dalam sebuah negara maju pada tahun 2020, mahasiswa seharusnya dibekalkan dengan ketrampilan pelengkap seperti kemahiran berkomputer, kemahiran berbahasa Inggeris, kemahiran keusahawanan dan kemahiran mencari ilmu secara sendiri.

Kemahiran dan kesinambungan budaya menuntut ilmu hanya boleh dicapai dengan usaha yang gigih. Saya sangat yakin bahawa sesuatu kejayaan hanya boleh dicapai melalui usaha yang gigih yang berterusan dan tidak tahu penat lelah, tidak tahu berputus asa. Semua ini memerlukan pengorbanan. Kejayaan yang dicapai melalui usaha yang gigih, pengorbanan yang tinggi adalah merupakan kejayaan yang sangat manis. Mahasiswa yang mengutamakan kualiti dalam segala tindak-tanduknya, sama ada dalam aspek akademik mahupun ko-kurikulum, akan berjaya bukan sahaja semasa di kampus tetapi juga akan berjaya dalam kariernya. Kualiti merupakan tonggak yang terpenting untuk membolehkan seseorang itu terus bersaing bagi mencapai kecemerlangan.

WACANA MAHASISWA

REMAJA DARI SUDUT PANDANG POSITIF

oleh: RAHA YACOB

Dari sudut umur rata-rata di kalangan pendidik mengklasifikasikan remaja dari umur 12 hingga 22 tahun. Dari segi psikologi, remaja ditakrifkan sebagai satu golongan yang sedang mencari identiti diri.

Mutakhir ini persoalan remaja kerap dibicarakan oleh media-media massa. Seseorang remaja yang terbudaya dengan kelakuan membuang masa, berpeleseran di pusat membeli-belah, ditangkap ketika berdua-duaan di taman bunga dan tidak berminat dengan pelajaran.

Pada masa yang sama golongan tua yang terdiri dari para menteri, tokoh koporat, para akademik dan pendidik juga turut mengekukakan hukuman buat remaja, malahan kalau diteliti media sejak akhir-akhir ini terlihat seolah-olah remaja di Malaysia sudah sangat bobroknya.

Dari satu sudut yang lain remaja dianggap sebagai aset negara yang terpenting yang bakal mewarnai negara pada tahun 2020. Sudah pasti buat tahun-tahun akan datang apabila menjelang tahun 2020 remaja akan berdepan dengan pelbagai cabaran. Kalau kita

kepada satu saat, minit kepada jam, hari kepada bulan dan seterusnya tanpa berundur walau sesaat dengan itu 27 tahun bukanlah terlampau jauh dengan kita untuk menjejaki gerbang 2020.

Untuk memahami fenomena remaja akan datang perlulah kita melihat ke belakang membelek sejarah dan melihat suasana sebenarnya sekarang ini. Iaitu bukan hanya sekadar melihat apa yang ada sekarang ini secara tersurat tetapi juga melihat tersirat.

Tanpa ada sudut pandang positif kepada remaja, yang ada hanyalah keburukan-keburukan mereka, bermakna kita membunuh impian dan harapan mereka untuk hidup. Walhal, sebuah kehidupan sangat menarik (interesting) apakala ada harapan dan impian untuk mencapai sesuatu yang ideal, menggerakkan potensi untuk hidup.

Kiranya kita melihat masa depan remaja dengan pesimis, seperti menyatakan masa depan remaja hari ini umpama sampah, bermakna juga kita menyalahkan ilmu dan latar belakang kehidupan mereka. Sedangkan fungsi ilmu adalah untuk mendidik dan memperbaiki sesuatu yang buruk

tahun 2020 akan tercapai. Apakah kita sudah optimis dan boleh senang hati dengan sistem yang sedia ada?

Seseorang pemimpin baik di peringkat negara seperti menteri mahupun di peringkat guru-guru sekolah mahupun pemimpin sesebuah keluarga adalah pembina sistem. Sistem yang dimaksudkan itu adalah mungkin peraturan, undang-undang atau kaedah pendidikan untuk diikuti oleh manusia-manusia lain.

Tujuan sistem itu adalah untuk memelihara cahaya moral manusia. Berpedoman kepada kebijaksanaan pembina sistem alam ini, yang menciptakan perjalanan bulan dan seluruh cekerawala agar ianya terus berjalan di atas satu peraturan, maka seseorang pemimpin perlu membina sistem untuk memudahkan pengikut mengikut untuk mencapai tujuan kehidupan.

Cuma sesebuah sistem yang dicipta hendaklah tidak bersalahan dengan manusia yang waras diri, masyarakat dan negara. Maka untuk membawa remaja kepada satu arah untuk merealisasikan cita-cita negara maka tugas pemimpin adalah untuk membina sistemnya.

dasar serta membuat undang-undang kalau perlu.

Kita tidak boleh meletakkan segala perubahan agar remaja dahulu yang melakukan, tetapi sepatutnya pemimpin dahulu melakukan perubahan. Contohnya, menawarkan peluang-peluang yang menarik untuk mereka menyertai.

Pembinaan tamadun dalam konteks Malaysia, remaja bukan hanya dilihat pada remaja Melayu sahaja tetapi juga merangkumi remaja yang berbangsa lain etnik seperti etnik Cina dan India.


Tanpa ada perubahan juga pada etnik lain, maka polarisasi kaum akan bertambah hebat ditakuti peristiwa 13 Mei 1969 akan berlaku lagi. Nilai-nilai murni yang ada pada setiap bangsa itu seperti nilai gigih, berani, rajin dan prihatin perlu disulam agar menjadi pegangan generasi baru remaja.

Kita melihat kemajuan Jepun kini dari segi ekonomi dan teknologinya dan sumber tenaga kerja dengan sifat yang luar biasa. Lalu, kita tergoda dengan kehebatannya maka kerajaan menghantar beribu-ribu pelajar remaja m e m p e l a j a r i teknologinya.

Kita memuji tindakan kerajaan itu, tetapi kalau kita hanya bertaklid dalam meniru maka ianya hanya perbuatan bersifat sementara seperti memakai lipstik di bibir. Lalu remaja akan terpenjara dengan s e m a n g a t konsumerisme (sifat mengguna sesuatu tanpa berfikir).

Perkembangan luaran seperti melalui ketrampilan sains dan teknologi tanpa disejajarkan dengan perkembangan spiritual maka akan terhasil krisis identiti. Yang akhirnya, menyebabkan kita tertanya-tanya diri apakah arah tujuan sebenar kehidupan ini.

S e d a n g k a n kemajuan Jepun hari ini, adalah hasil usaha masa lalu nenek moyangnya yang bersungguh-sungguh berjuang dengan keikhlasan dan keberanian dalam melihat peradaban bangsanya. Terdapat tradisi lamanya seperti



BERSUKAN...memupuk perpaduan

Bushido dan Samurai yang menjadi pegangan etis bangsanya.

Pengaruh pendidikan yang disalurkan melalui keluarga juga merupakan faktor terpenting yang akan membentuk sahsiah remaja. Sudah lazim bahawa ibu bapa mempunyai tahap kematangan yang lebih tinggi berbanding dengan anak-anaknya.

.. tanpa ada sudut pandang positif kepada remaja, yang ada hanyalah keburukan - keburukan mereka ; bermakna kita membunuh impian dan harapan mereka untuk hidup ..

Dengan demikian, penyaluran nilai-nilai baik kepada anak-anak perlu dilakukan oleh ibu bapa. Tanggungjawab ini tidak boleh dipandang ringan kerana kejayaan anak-anak juga adalah sebahagian saham ibu bapa. Tamadun akan tersenyum gembira bila melihat seorang anak yang berjaya hasil sistem didikan ibu bapa atau masyarakat.

Bila kita ingin memperkatakan tentang keruntuhan akhlak remaja, maka beberapa perkara harus direnungi sebelum membuat tuduhan melulu. Antaranya kita perlu bertanya adakah pemimpin negara telah menjalankan usahanya dengan betul, bagaimana sistem pendidikan keluarga yang diterimanya, iklim

masyarakat seperti pengaruh rakan sebaya dan juga sistem pendidikan formal yang terpaksa dihadapinya.

Sekiranya perkara di atas menjadi penyebab maka perkara itu perlu direvolusi terlebih dahulu, baharulah kita adil membuat penilaian. Untuk membekal remaja kepada negara untuk menghadapi abad ke-21, mari kita melihat

Oleh itu, agama sewajarnya bertindak sebagai kekuatan dalaman dengan etika kehidupan yang sebenarnya.

Kedua, faham keperibadian bangsa Malaysia yang dalam. Kita mengetahui dari mana asal kita dan apakah kewajiban kita yang sebenar kepada negara. Kerana inti nasionalisme ialah keperibadian bangsa yang terpamer dari kelakuan yang kita lakukan.

Selain itu ialah keyakinan serta penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam kegiatan baik dalam bidang perekonomian atau bidang-bidang sains. Namun begitu, bahasa Inggeris bagi Rustam adalah amat penting dalam menimba peradaban barat yang disaring untuk boleh diterima oleh bangsa Malaysia.

Kesimpulannya, remaja merupakan mereka yang masih dalam proses pemantapan diri untuk menjadi seseorang yang matang maka beberapa perkara seperti yang telah diperbincangkan diambil kira untuk membawa mereka ke gerbang kejayaan dan kemajuan. Sesebuah tamadun yang tinggi dan mantap tercapai apakala golongan remaja, yang merupakan aset terpenting negara, digembleng ke arah bangsa yang berperadaban dan berpendidikan.

**YANG BERANI
YANG HIDUP**



ILMU...asas tamadun

sudah menganggap remaja sebagai golongan yang sudah sangat bobrok bagaimana mungkin untuk kita mengharap mereka menerajui negara.

Sama ada ingin atau tidak, masa akan berubah dari satu detik

menjadi baik.

Kiranya tanpa perubahan dilakukan ke atas faktor-faktor terpenting yang mewajarkan perubahan seperti faktor pendidikan, institusi keluarga dan faktor kepimpinan, apakah kita boleh pastikan impian pada

Tugas pemimpin yang penting bukan sekadar membuat pernyataan bahawa remaja hari ini sudah rosak akhlaknya, tetapi tugas utama juga ialah mampu memberi diognosa kepada sesuatu masalah, berfikir atau mencipta dasar-

FOKUS

FAHAM GERAKAN MUDA ABANG DAN KAKAK..... PERLUKAH?

Kepimpinan bukanlah setakat mengisi hierarki organisasi kepimpinan. Proses pertukaran pemimpin merupakan amalan biasa mengikut kitaran kepimpinan organisasi bagi membolehkan ahlinya menilai tahap-tahap pencapaian dan memberi peluang kepada pemimpin baru mengemukakan pendekatan yang baru. Walaupun menjadi satu kitaran yang biasa, satu hal yang perlu dititikberatkan ialah mengenai perubahan. Membicarakan perubahan, bermakna kita mengemukakan satu janji yang tidak bertulis, kepada khalayak yang berada dalam medium kepimpinan tadi dan janji kita adalah demi kebaikan!

Satu persoalan yang mungkin menimbulkan prejudis yang keliru dan hangat diperkatakan kini ialah perubahan kepimpinan yang didukung oleh 'kaum muda'. 'Kaum muda' yang membawa idea dan prinsip dan wawasan harus diberi peluang tanpa menaruh syak bahawa gerakan ini cuba menafikan budi perjuangan kepada sebelah pihak yang satu lagi. Pernah berlaku dalam sejarah negara kita, pertentangan yang mencetuskan konflik antara kaum muda dan golongan lagi yang dikatakan 'kaum tua'. Dimensi perjuangan yang dibawa oleh kaum muda mendapat tentangan yang kerana andainya ia dikembangkan, kelak akan menjadi perintis kepada penghakisan ni-

lai-nilai asas murni dan membawa ancaman kepada agama.

Lantas dengan pertumbuhan 'non - analysis' ataupun satu jawapan pelarian ke atas tanggungjawab, kaum muda digelar penghasut, pemusnah dan lupa diri. Impak kepada gerakan ini dikatakan dipelopori dari angin gerakan dari luar negara dan kemudian dijadikan kerangka perjuangan oleh sekelompok pelajar yang balik dari negara tersebut.

Setelah beberapa dekad, faham gerakan muda ini timbul lagi dan atas konsepsi yang sama, ia mewujudkan puak dengan pendekatan yang berbeza. Kedua-duanya mempertaruhkan prinsip perjuangan dengan egoisme yang fanatik, pertembungan pendapat akhirnya melahirkan satu sentimen di antara satu sama lain. Andainya kedua-dua belah pihak bergerak atas landasan ilmu, mereka berada pada keadaan yang benar dan tertib tetapi persoalan prinsip dan kesediaan menangani karenah birokrasi adalah menjadi pertimbangan guna mencari sokongan. Cumanya, atas nama organisasi dan kepimpinan, adalah baik dan wajar kiranya kesinambungan perjuangan diutamakan. Perjuangan dalam erti kata yang bukan sekadar pengekal status quo atau hanya melihat kepentingan untuk jangka masa yang singkat. Biarlah kepimpinan ini

dapat mewarnai corak organisasi kepimpinan dan kepimpinan yang bermartabat. Jika sekiranya mahasiswa yang tergolong sebagai muda dan dengan keilmuan yang demikian tinggi, dipertanggungjawabkan kepada mencorakkan kepimpinan yang dinamis dan luwes dalam menghadapi cabaran, wajarlah peluang diberi kepada mereka. Kita harus kembali melihat bahawa kepimpinan mahasiswa yang berjiwa muda tidak pernah mengecewakan kerana berontak mereka adalah atas nama ilmu dan kemanusiaan. Yang penting dan telah menjadi hakikat, perjuangan memerlukan jiwa yang berani, kental dan memertingkatkan perubahan yang positif. Soal drastik atau tidak, faham gerakan muda jangan dipersalahkan kerana menilai khidmat bukan madaid hanya dalam tempoh yang singkat. Tidak sesiapa yang harus merasa tersisih dalam arus perjuangan dan terimalah perubahan selagi ianya tidak merosakkan. Faham gerakan muda bukan budaya iseng-iseng dan kualiti mereka perlu dinilai atas faktor bijak, tangkas dan penilai budi yang baik dan tanggapan bahawa mereka gopoh dalam tindakan serta tidak matang merupakan satu tanggapan yang lahir dari jiwa yang takut pada bayang sendiri. Adilkah begitu?

menunjukkan usia muda Ali bin Abi Talib tidak menjadi halangan baginya mendahului orang-orang tua pada zamannya memeluk Islam. Kenapa tradisi musuh Hang Nadim terus kekal? Jawabnya ialah 'untuk kesesuaian orang tua'. Kesesuaian orang muda hendaklah ditangguhkan sehingga ia menjadi tua! Sepanjang tempoh ia menuju hari tua, alam dan manusia dinafikan peluang menerima kesan tangan anak-anak muda.

'Kedewasaan' litafsirkan sebagai orang yang telah memiliki kebijaksanaan. Seorang muda yang nampak pintar akan

oleh:
Roziqi Abdul Razak.

"Assalamualaikum b a n g , " s a p a seorang freshie kepada seorang fasilitator kolejnya. Menjelang fasilitator tadi sambil menjawab salam dengan nada suaranya mirip-mirip seorang tokoh politik.

Selang beberapa minit kemudian, ia bertembung pula dengan sekumpulan senior mahasiswi yang baru turun dari dewan makan.

"Assalamualaikum kak, dah makan? dengan spontan terkeluar ucapan salam dari mulutnya sambil kepalanya mengangguk-angguk tanda hormat. "Dah!", jawab senior-senior mahasiswi tadi lembut dengan bibir mereka meleretkan senyuman manis kerana freshie tadi orangnya boleh tahan, segak dan bergaya.

Seringkali kita mendengar alasan yang mewajarkan panggilan tadi atas dasar melambangkan sopan santun yang baik dan sebagai satu penghormatan buat senior-senior, ditambah lagi budaya timur kita yang amat menghargai sopan santun dan peribadi yang lemah lembut.

Jika dilihat secara sepintas, nampak ianya hanyalah satu perkara yang remeh-temeh dan tidak memberi apa-apa kesan pada kehidupan di menara gading. Tetapi jika perkara ini diamati seterusnya direnung

secara mendalam, jelas tidak sedikit kesan negatif yang tidak sepatutnya hadir lalu bertapak dalam diri mahasiswa. Di sini bukanlah bermaksud sopan santun dalam budaya timur itu yang negatif, tetapi tanpa pemahaman dan pengertian yang mendalam terhadapnya, maksudnya mengapa ianya dituntut dalam kehidupan manusia, maka sopan santun dalam budaya timur yang murni itu realitinya banyak memberi saham kepada sikap yang suka mengalah, segan-segan, rendah diri tak bertempat dan seumpamanya. pandangan dan idea atas dasar menghormati kakak dan abang dengan alasan mereka sudah lama berada di kampus, maka merekalah yang serba-serbinya benar. Kesan psikologi yang kuat dari status abang dan adik juga turut menghalalkan pendapat si abang meskipun pendapat itu salah. Tidakkah ini negatif namanya? Dan situasi ini sering menjelma dalam mesyuarat, bengkel-bengkel, kursus-kursus kepimpinan dan pelbagai aktiviti lain.

Pada saya, perkara yang amat berkait sehubungan dengan persoalan ini ialah sebuah kebebasan. Mahasiswa seharusnya diberi kebebasan penuh untuk menentukan apa yang dimahunya dalam proses ia mencari

dikatakan 'Eh bijaknya budak ini. Macam orang tua.' Kenapa mesti macam orang tua? Kenapa tidak diiktiraf bijaknya budak itu kerana ianya budak bijak? Jika terdapat pula orang tua yang berperilaku tidak senonoh, maka orang Melayu akan mengatakan 'Eh, macam budak-budak'. Kenapa yang buruk mesti mewakili orang muda? Padahal banyak kajian-kajian ilmiah dan pengalaman hidup menunjukkan orang muda lebih murni dari orang tua. Orang-orang muda, terutamanya budak, lebih ikhlas dengan reaksi-reaksi spontan mereka. Sedang orang tua pula akan menapis-napis segala tindakannya

supaya ia kelihatan 'baik, mulia, murni' pada kaca mata orang! Orang tua yang bersifat tua, tidak tulen tingkahlaku mereka. Kreativiti mereka juga terbatas oleh berbagai undang-undang yang mereka cipta sendiri.

Dunia tidak berkembang kerana orang tua. Orang mudalah yang mampu mewarnai dunia. Orang-orang tua kerap memaksa-maksa orang muda supaya menghormati mereka. Kata-kata seperti 'sopan Melayu menghormati orang tua' ditekan-tekan.

Mengapa orang muda mesti menghormati orang tua? Apa perlunya orang muda menghormati orang tua, apabila,



ANAK MENARA...perlu bersedia

pemahaman dan pengertian akan peranan seorang anak menara. Di sini bukanlah bermaksud boleh melakukan apa saja sesuka hatinya, tetapi biarlah apa yang dilakukan itu berasaskan pertimbangan dan pemikiran mereka sendiri. Dan jika ada pihak yang cuba menghalang dan memaksanya, maka pihak itulah yang bersalah kecuali apa yang dilakukannya bertentangan dengan nilai-nilai baik kemanusiaan sejagat.

Kita sememangnya memaklumi, episod mahasiswa sebagai anak menara antara yang terpentingnya ialah menyiapkan diri sebelum memasuki kehidupan selepas bergraduat nanti. Di sinilah tempat untuk belajar dalam disiplin ilmu masing-masing, belajar berorganisasi, bersosial

antara lelaki dan perempuan, bercinta, bercakap di khalayak ramai seumpamanya. Pengalaman dan memori yang terhasil di sinilah yang akan mencorak kehidupan, seterusnya melukis peribadi mereka. Dan hakikatnya inilah saham utama untuk mengharungi dunia yang lebih kompleks dan penuh rencam selepas bergraduat kelak.

Dengan ini segala halangan yang menyekat kebebasan seperti terpaksa memanggil abang atau kakak tidak perlu hadir dalam kamus kehidupan mahasiswa. Kita bukanlah mahu menjadi orang barat atau meniru kehidupan mereka tetapi kita melihat kepada pilihan yang terbaik kerana mahasiswa adalah tunjang pemerintahan negara hari besok.

misalnya, ia berkunjung ke pejabat orang tua yang tiba-tiba sahaja melayannya sambil lewa, jika tidak lebih buruk menerima herdikan?

Adakah tidak lebih baik bahawa orang tua atau orang muda dihormati bukan kerana tua atau mudanya. Ia dihormati kerana ia memang manusia yang layak dihormati. Ibu dan bapa layak dihormati kerana, seburuk mana pun, mereka telah memberi peluang untuk anak muda menjenguk dunia. Sedangkan, kadangkala ada orang tua yang 'bapa' pun bukan 'ibu' pun bukan, tidak pula pernah menghulur sekeping roti atau seteguk air, tiba-tiba mahu mengarah-arrah anak muda mengikut

kehendak hatinya. Mengapa orang seperti ini mesti dihormati? Biar apa pun darjatnya - rajakah atau menterikah - tak ada sebab untuk ia dihormati jika ia tidak layak dihormati. Namun demikian, emansipasi anak muda tidaklah pula disyorkan bersentimen buta anak muda.

Yang perlu diambil perhatian ialah, kiranya seorang manusia itu layak dijadikan pemimpin kerana kebolehan, maka ia wajar diberikan kepercayaan tanpa mengira ia tua atau muda. Jika manusia itu layak dihormati, tua atau muda, maka ia mesti dihormati. Prinsipnya ialah hormat menghormati kerana kita sama: manusia!

DI MANA DAN KE MANAKAH MEREKA

Persatuan Mahasiswa Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah menganjurkan Kursus Bimbingan Kerjaya Tahun Akhir di Pusat Perikanan Dan Sains Samudera UPMCT Kuala Terengganu pada 15 Oktober 1993 dan dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Azmi Ambak.

Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak telah menganjurkan aktiviti Sehari bersama Personaliti di kolej tersebut pada 16 Oktober 1993, jam 2.30 petang hingga 5.30 petang.

Persatuan Mahasiswa Perhutanan menganjurkan Seminar Pengurusan dan Pengendalian Simposium Antarabangsa di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan (PPPL) pada 17 Oktober 1993.

Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia UPM telah menyertai Jamboree On The Air (JOTA '93) anjuran Persatuan Pengakap Malaysia di Kem Sardon Jubir di Cheras dari 25 Oktober hingga 27 Oktober 1993.

AIASEC UPM telah menyertai Mesyuarat Pengerusi Antarabangsa 1993 di Dlongapo City, Filipina dari 26 Oktober hingga 15 November 1993 di bawah anjuran AIASEC Philippina.

Kelab Perniagaantani UPM Bintulu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Singapura pada 6 November 1993.

Persatuan Mahasiswa Perikanan dan Sains Samudera CT telah menerima Lawatan Balas Pelajar-pelajar Universiti Songkhla Pattani di Pusat Perikanan dan Sains Samudera Cawangan Terengganu dari 11 November hingga 13 November 1993.

Majlis Tertinggi Kolej Kediaman Keenam menganjurkan Majlis Malam Setia Kasih di kolej tersebut pada malam 12 November 1993.

Persatuan Pertanian mengadakan Tinjauan Susulan Khidmat Bakti Siswa di Kampung Sungai Tengor Utara, Sabak Bernam pada 13 November 1993.

Majlis Tertinggi Kolej Kediaman Ketiga telah menganjurkan Projek Merintis Sungai Tenor di Taman Negara, Pahang pada 14 November hingga 25 November 1993.

Kelab Kimia telah menganjurkan Bengkel Kepimpinan dan Kecemerlangan di Hutan Rekreasi Ayer Keroh, Melaka pada 14 hingga 17 November 1993.

Persatuan Pelajar Fakulti Veterinar dan Sains Penternakan telah menganjurkan Jungle Tracking di Ampangan Batu, Gombak pada 14 hingga 16 November 1993.

Sekretariat Rekreasi KK2 telah mengadakan Ekspedisi Berakit Jelajah Sungai Perak dari Parit ke Teluk Intan pada 14 hingga 17 November 1993.

Majlis Tertinggi Kolej Kediaman Keenam menganjurkan Kursus Pembentukan Organisasi Cemerlang KK6 di kolej tersebut dan di Sungai Congkak, Hulu Langat, Selangor pada 14 hingga 19 November 1993.

Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM) telah mengadakan Projek Khidmat Masyarakat di Kampung Kanchoong Tengah, Kuala Langat, Banting dari 16 hingga 22 November 1993.

Kolej Tun Perak telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Bulan Penghayatan di Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Kuala Terengganu dari 1 hingga 6 Disember 1993.

Kelab Fotografi KK7 telah menganjurkan Ekspedisi ke Pulau Langkawi bermula dari 8 hingga 13 Disember 1993.

Pelajar Bacelor Sains (Kepujian) Biokimia Dan Mikrobiologi FSPAS telah mengadakan Lawatan Pendidikan ke Sumatera, Indonesia pada 9 hingga 17 Disember 1993.

Pertubuhan Pengakap (KLKM) UPM telah mengadakan Kursus Kepimpinan Manikayu IV di Kem Pengakap Labu, Nilai, Negeri Sembilan dari 10 hingga 17 Disember 1993.

Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM) mengadakan Bengkel Pelita Sahabat II di Tanah Rata, Cameron Highlands pada 12 hingga 18 Disember 1993.

ALBUM KAM



1 - 5 September 1993, KAM telah mengadakan Khemah Penulisan Sahabat II di Sungai Chongkak, Hulu Langat. Dingin hujan tidak pernah mendinginkan semangat kami.



19 - 30 Jun 1993, KAM mengadakan Pengembaraan Penulis 1 dari Mersing ke Padang Endau, di Seri Lalang, Mersing, kami berkhemah dan di Teriang Tengah, Endau, kami berkeluarga angkat.



16 - 22 November 1993, buat pertama kalinya KAM menganjurkan projek Khidmat Masyarakat di Kampung Kanchoong Tengah, Banting, Selangor. Seramai 54 peserta terdiri dari ahli dan bukan ahli menyertainya.

PENGEMBARAAN ILMU TIADA SEMPADANNYA



IDEA DAN MANUSIA

ANTARA PADANG GOLF DAN ROKOK

oleh: SABARIAH SHARIFF
Queen's Garden College of Education

Saya menerima keratan akhbar mengenai kegiatan pembinaan padang golf yang semakin menjadi-jadi di Malaysia melalui seorang kawan, yang katanya dikirim oleh seorang kawan. 'Boleh ulas tak', katanya.


Memang susah nak ulas. Banyak sangat perspektif boleh digunakan untuk mengulasnya. Kesemua perspektif itu kesudahannya akan sampai kepada kesimpulan 'kerja ini baik' atau 'kerja ini memudaratkan'. Kedua-dua jawapan itu akan terluah dari mulut penganut fahaman 'hitam putih'. Golongan agama 'hitam putih' akan cepat-cepat menghukum 'pembinaan padang golf itu haram' atau ianya 'ianya halal'. Kemudian dicari-carilah hujah atau dalil untuk menambahkan lagi fatwa 'halal haram' itu. Seperti satu ketika, ada persatuan agama di Malaysia yang beria-ia mengharamkan ASN, tetapi apabila nampak akan untungnya merekalah yang lekas-lekas menerpa supaya tidak terlepas laba besar yang datang. Demikian juga satu ketika ada pemimpin muda kita mengejek-ejek arwah Tunku Abdul Rahman bermain kuda, tetapi

sekarang sibuk bermain kuda sampai patah tengkuk. Dulu Tunku kata 'saya main kuda untuk sport', maka ejek pemimpin muda itu, 'ah asalkan kuda itu, judilah', sekarang diberi alasan 'sekarang menunggang kuda itu digalakkan dalam Islam'. Ini semua perspektif.

Bagaimana pula padang golf? Banyak padang golf dibina, semakin buruklah alam sekitar dunia. Ini pun perspektif. Saintifik Lapisan ozon akan semakin nipis. Dunia akan makin panas. Paras laut akan makin meningkat. So what. Yang baru hidup akan 'lali' dan lebih 'fit' dengan alam sekitarnya yang baru, kerana sebaik sahaja bayi baru lahir menyedut udara, ia menyedut udara untuk zamannya.

Bukan udara orang zaman sebelumnya. Yang tak sesuai akan mati, tapi akan ada yang sesuai atau 'fit'. Yang bimbang sangat ini, ialah 'orang tua yang posesif'. Dia mahu dunia selepasnya pun sama betul-betul macam dunianya. Dia mahu hidup selamanya, kalau pun jasadnya telah luh, ia mahu kuasanya tetap tinggal mencengkam.

Bagaimana kalau dunia seluruhnya karam? Satu pertanyaan



MEROKOK...masih...

lagi. Itu pun perspektif. Soal tenggelam atau timbul hanya sesuai untuk teori bahawa dunia ini sifatnya ialah 'tahan menaung air'. Padahal ada teori yang mengatakan bahawa 'air yang mengapung tanah'. Oleh itu tanah yang kelihatan adalah terapung dan berkeupayaan untuk hanyut. Yang ringan di atas dan yang berat (mengikuti hukum graviti) di bawah. Oleh itu kebimbangan kalau-kalau Bangladesh akan tenggelam hanyalah terpakai kalau kita kasihankan orang Bangladesh, tetapi pada perspektif manusia keseluruhan, akan ada tanah lain yang akan timbul. Di situ manusia

baru akan lahir. Orang-orang baru itu lebih gagah lagi dan tahan

dengan alam sekitar dunia yang juga baru. Oleh itu, dunia ini telah menyediakan sistem giliran seumpama naik darjah. Yang tak tahan akan tumpas tercicir. Yang tahan akan terus mara.

Zaman Mahathir mengambil peperiksaan yang setara dengan SPM, tidak ada mata pelajaran khusus 'pure science' tetapi sekarang kelas diuruskan sedemikian, anak-anak muda yang baru di Malaysia tetap mampu mara walau seberat dan sesusah mana menggalas beg yang penuh buku teks untuk menghadapi perang peperiksaan yang semakin sengit. Orang-orang lama yang tidak pernah menempuhnya akan hanya terkebil-kebil melihat. Mereka ialah yang tidak dapat memasuki proses

'pelalihan'. Tetapi orang-orang seperti Mahathir 'tetap fit' dan melalui satu proses demi satu proses. Sehingga Mahathir terus hidup dan mara dengan gagah.

Apa jawapannya semua ini? Terpulangnya. Kalau nak padang hijau yang luas. Binalah padang golf. Kalau nak belukar yang penuh dengan ular dan musang, simpanlah belukar. Kedua-duanya bukan digunakan oleh orang ramai. Berapa ramai yang suka main golf dan berapa ramai yang suka masuk belukar? Tapi, golf mengganggu ekologi! Hah, apa? Ekologi yang mana? Tak faham! Untuk wanita bagaimana? Jiran saya kata suaminya baru balik, nafasnya busuk. Bau rokok. Kerjanya pemberita. Tapi dia kena layan juga sebab dia suami.

ISTERI: HAMBASUAMI?

"Kahwinlah tugas isteri terhadap Man....senang bila ada isteri. Adalah orang yang memasak untuk kau, membersihkan kepala kau...."

"Kiah mesti pandai masak dan mengemas rumah. Kalau tak sape nak pinang kau buat isteri?"

Tentunya kata-kata seperti di atas pernah didengari dari semasa ke semasa. Pada kaca mata lelaki, perkahwinan seringkali dianggap sebagai penyelesaian masalah lahir dan batin. Isteri diharapkan menjadi tukang masak, tukang cuci, tukang kemas di samping tukang hiburan. Kaum wanita pula menyangka kerja-kerja memasak dan mengemas sebagai tugas rasmi mereka apabila berkahwin. Jelasnya, tugas suami dan isteri bagaikan dua garis selari yang tidak akan bertemu. Apakah erti perkahwinan?

Perkahwinan sebenarnya menuntut kerjasama suami dan isteri. Tetapi yang seringkali berlaku lelaki mendapat hamba peruma manakala wanita menjadi hambanya. Selepas berkahwin wanita mendapat beban tugas yang lebih. Mereka dianggap sebagai pemuas nafsu, penjaga anak, hamba rumahtangga - bekerja menguruskan rumahtangga dari pagi hingga malam dan membantu tugas mendidik anak hidup. Apakah benar rumahtangga tugas isteri? Apakah memang hukum syarak menetapkan antara

tugas isteri terhadap suami ialah memasak, membasuh pakaian dan rumahtangga? Apakah isteri yang enggan melaksanakan tugas-tugas ini dianggap nusyuz (ingkar)? Apakah ini boleh dijadikan alasan untuk suami berkahwin lain?

Tidak adalah jawapan untuk kesemua soalan di atas. Menurut Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Sheikh Othman Haji Ibrahim, semua tugas itu adalah tanggungjawab suami. Suami wajib sama ada menyediakan pembantu rumah atau mengerjakan sendiri semua tugas rumahtangga seperti memasak, membasuh pakaian dan berkemas. Suami tidak boleh memaksa isteri melakukan semua itu sekiranya isteri enggan. Isteri yang enggan melakukannya tidak dianggap nusyuz. Tetapi, apabila isteri melakukannya dengan rela, maka dia mendapat pahala di atas setiap tugas yang dilakukannya itu. Perbuatan mereka dianggap satu kebajikan terhadap suami.

Selain dari itu hukum syarak menetapkan suami harus membayar sejumlah wang kepada isteri yang menyusukan anak. Ini adalah kerana anak itu tanggungjawab suami. Jadi, suami harus menyempurnakan tanggungjawabnya membiayai nafkah itu. Tugas mendidik anak lebih berat ke atas ibu kerana ibulah paling hampir dengan anak. Kerana itulah Islam menaikkan taraf ibu tiga kali ganda mulianya dari bapa.

I felt that my presence at UPM and KAM is best summed up by modifying the words of Sir Winston Churchill "if myself and KAM dan UPM live and last for a thousand years, I will still say: This was my finest hour."

As for the club and its members that will continue to bear its torch, I have my hopes in these modified words of Abraham Lincoln for them "that this club under God shall have a new birth of freedom, that the club of the members, by the members and for the members shall never perish from the earth."

For my "rival" and friend, Kori, I have this words of

Voltaire for you (I don't remember it exactly word for word but the meaning of it is there) "I may not agree with what you say, but I will defend your right to say it" and remember as Winston Churchill said "with opportunity comes responsibility."

And as for myself, I have only these words of Shakespeare to comfort me "all the world's a stage, and all men and women mere players. They have their exits and entrances. And one man in his time plays many parts" and my part as an undergraduate at UPM for now, I have to reluctantly admit, ends here.

MEMORY

by: Nik Shafiruddin Nik Shahar Shah

By now, I think everybody had already knew why I didn't show up to go to Cameron Highlands, I hope that all of you had enjoyed yourselves.

First of all, I would like to ask for an apology for writing this letter in English. It is because I feel more comfortable to express everything that is in my mind now in that language and also as an English exercise for Kori. Actually, in the first place I couldn't make up my mind whether to write a letter or not but after considering that it is improper to leave UPM and KAM after so many years together without any word then I decided to come up with this letter.

The main reason for this letter is to settle anything outstanding between me

necessary amount of money from the money collected by Basir as payment.

Now, it is about my belongings which is on loan to the members of the club. Most of the belonging are clothing items and some books and magazines. To anyone who borrow any of the items I just stated above, please put it in a box and put the box in the club so that I can come and take the items sometimes in the future (I don't really know when). To those who borrow my clothing items please make sure that you have cleaned it before putting it in the box.


In my possession, there are several documents connected to the purchase of equipment for the club. The documents are warranty cards and receipt for the computer, printer and camera. These I entrusted to the club Treasurer to keep it. There are also two

cartridges of printer ribbons, the key to the club's store and the club's computer key with me. These I also entrusted to the club treasurer to keep. Please note that the items stated above are enclosed with this letter.

There are a lot of memorable events that I had gone through during my stay at UPM and as a member of KAM. There are laughters, angers, sadness... a lot of things that I think it is best to keep it only in one's mind as a treasure for oneself. But there is one treasure that I think is the greatest of all treasures: Friendships. A treasure that is irreplaceable, A treasure that is hard to get and harder still to maintain but could be lost very easily. A treasure that reflect the person itself because "a man is judged by the friends he keeps...." I hope that or friendship will not end here.

WACANA MAHASISWA

INSTITUSI KELUARGA DAN HUBUNGAN DENGAN ABAD KE-21



KELUARGA NUKLEUS...masihkah kekal?

PENDAHULUAN

Institusi keluarga adalah satu institusi sejagat yang asas dalam pembinaan tamadun manusia. Sudah menjadi fitrah manusia yang berasal dari kaum Adam dan Hawa itu cenderung untuk hidup bersama atas dasar melengkapi antara satu sama lain. Dalam memenuhi penyempurnaan pada sifat lahiriah dan batiniah ia menuntut manusia untuk berkeluarga.

Perbincangan terhadap institusi keluarga kita dan hubungannya dengan abad ke-21, dilihat amat penting sekali pada dekad ini. Senario hari ini menunjukkan perbincangan mengenai institusi keluarga dan masalah-masalah yang timbul darinya bukan saja menjadi perhatian tokoh-tokoh akademik, pertumbuhan-pertumbuhan wanita dan badan-badan kebajikan lainnya, malah pihak kerajaan sendiri turut memberi perhatian yang serius terhadap perkembangannya.

Kerajaan menyarankan bahawa satu sistem keluarga yang kuat dan budaya tahan akan menjadi teras utama dalam masyarakat penayang yang dikonsepsikan dalam Wawasan 2020. Oleh kerana persolan ini telah menjadi fokus keprihatinan utama pelbagai pihak, maka ia menggambarkan institusi keluarga kita kini benar-benar telah dan sedang mengalami perubahan besar hingga menimbulkan kebimbangan akan arah perkembangannya pada masa depan.

Perkembangan sejarah dunia menunjukkan bahawa daripada pelbagai institusi dalam masyarakat institusi keluarga ialah yang paling

lambat dan sukar berubah. Namun begitu, di bawah proses pembedaan dan perindustrian selama dua abad lebih ini, khasnya sejak zaman Revolusi Industri, perubahan-perubahan yang paling hakiki telah berlaku mengikut batas yang berbeza-beza dalam institusi keluarga. Perubahan yang pada mulanya amat ketara dalam masyarakat barat, kemudiannya telah menular dalam masyarakat Dunia Ketiga seperti Malaysia yang menjadikan pembangunan bandar dan luar bandar sebagai agenda modenisasi dan perubahan sosialnya.

Apa yang menjadi perhatian para pemikir, aktivis sosial dan perencana dasar negara kita dewasa ini bukanlah perubahan itu sendiri, tetapi ke arah manakah jurusnya. Mengikut tanggapan umum yang popular, perkembangan perindustrian dan pemodenan akan turut mengakibatkan perubahan dalam institusi keluarga kita, menjanjikannya sama atau mirip seperti yang wujud dalam masyarakat barat hari ini. Institusi keluarga barat hari ini menunjukkan keluarga nuklear atau keluarga asas telah terputus ikatannya dengan keluarga luas, di samping menghadapi banyak masalah yang merongsong institusi keluarga itu sendiri seperti kadar perceraian yang tinggi, kesepian wargatua dan masalah sosial yang lain.

INSTITUSI KELUARGA HARI INI

Hari ini institusi keluarga kita dianggap masih

oleh:
ROZIPI AB. RAZAK

beruntung, maksudnya ada adat resam dan nilai-nilai yang masih terpelihara meskipun tidak sedikit diakui perkara-perkara tersebut telah lenyap ditelan masa.

Institusi keluarga di bandar boleh dikatakan agak longgar, iaitu interaksi antara ibu bapa dan anak-anak berlaku dalam jarak masa yang singkat berbanding dengan institusi keluarga di luar bandar. Faktor-faktor seperti taraf pendidikan, pekerjaan dan "trend" masyarakat yang lebih pentingkan pekerjaan adalah antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya situasi sedemikian. Malah hari ini era korporat yang melanda masyarakat kita turut memberi kesan yang besar kepada institusi keluarga. Budaya korporat yang dikaitkan dengan urusan perniagaan yang besar dan sibuk iaitu bekerja tanpa mengikut masa yang tetap seperti guru dan kakitangan kerajaan yang lain, mengakibatkan masa untuk bersama keluarga menjadi lebih terhad lagi.

Manakala di desa, meskipun hari ini sumber pendapatan bukan lagi sepenuhnya tertumpu pada sudut pertanian semata-mata, tetapi masa bersama keluarga lebih banyak dapat diperuntukkan. Iklim sosial di desa yang lebih harmoni dan damai memberi ruang yang selesa dalam meningkatkan lagi interaksi antara ahli-ahli dalam keluarga.

Jelasnya, kita dapat melihat sudah berlaku kesenjangan budaya antara institusi keluarga di bandar dan di luar bandar apatah lagi jika dibandingkan dengan golongan elit yang terdiri dari pemimpin-pemimpin negara dan tokoh-tokoh korporat yang mana corak kehidupan dalam keluarga lebih kebaratan sifatnya.

Perkara lain yang menarik untuk dilihat ialah sistem keluarga nuklear atau keluarga asas sudah menjadi bentuk yang dominan dalam institusi keluarga masyarakat kita. Data rasmi tahun 1980 menunjukkan kira 59 peratus keluarga desa dan 63 peratus keluarga bandar negara kita bersifat keluarga asas. Di bawah kategori keluarga asas ini termasuk juga bentuk

keluarga tunggal, keluarga yang mempunyai hanya seorang tua (ibu atau bapa), dan keluarga tanpa anak — satu fenomena semakin ketara dalam masyarakat kita. Sistem keluarga luas, yakni sebuah keluarga yang terdiri dari dua generasi ibu bapa serta anak-anak dan saudara mara lain dalam sebuah rumahtangga nyata sekali semakin berkurangan.

Proses nuklearisasi keluarga atau pembentukan keluarga asas paling ketara dalam masyarakat Melayu. Ini tidak menghairankan kerana berlakunya dasar penyusunan semula masyarakat yang dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru sejak awal-awal 1970-an, termasuk rancangan luar bandar khususnya FELDA. Namun begitu apa yang perlu diberi perhatian serius ialah, apakah proses pembedaan ini akan memutuskan akan dapat mengekalkan pertalian dan komitmen keluarga asas itu dengan keluarga luasnya?

Ada kajian yang menunjukkan bahawa setakat ini sekalipun keluarga bandar itu sudah berbentuk nuklear, tetapi hubungan dengan keluarga luas, dengan keluarga orientasi tempat ia dilahirkan, masih dipelihara dengan pelbagai cara. Pertalian itu masih erat, dan boleh dikatakan bahawa sistem keluarga asas masyarakat kita yang berada di bandar itu merupakan bentuk keluarga luas yang dimodifikasikan — satu adaptasi sistem keluarga desa dengan keadaan masyarakat bandar.

Ini boleh dijelaskan kerana sejumlah besar keluarga asas itu masih merupakan imigran generasi pertama yang berhijrah dan bermastautin di bandar. Malahan ada di kalangan mereka yang tidak berhasrat untuk menetap di kota, tetapi sekadar bekerja dan mengumpul wang. Mereka akan kembali semula ke desa setelah persaraan dan menghabiskan usia tua mereka di desa. Selain itu, terdapat juga keadaan di mana bentuk keluarga asas merupakan satu fasa sementara di kalangan sesetengah keluarga. Keadaan ini mungkin berubah menjadi bentuk keluarga luas semula. Misalnya, apabila saudara mara atau ibu bapa yang sudah tua kembali tinggal

bersama keluarga itu, sesuatu yang masih mungkin berlaku sekiranya ikatan kekeluargaan masih kukuh.

Di samping itu juga tidak sedikit berita yang tersebar mengenai kepincangan institusi keluarga dalam masyarakat kita. Baru-baru ini kita digemparkan dengan kes-kes penderaan kanak-kanak yang menyayat sekali ceritanya. Masalah remaja yang lari dari rumah juga meningkat, dan mengikut Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Napsiah Omar bilangan remaja yang telah lari dari rumah begitu ramai sekali hingga sampai ke angka 600 orang. Berita yang paling mutakhir yang dikaitkan dengan kepincangan institusi keluarga ialah budaya lepak yang semakin berleluasa di kalangan remaja dan telah menjadi perbincangan hangat masa ini.

Dilema Institusi Keluarga Barat

Sebagai perbandingan, adalah wajar kita melihat senario yang berlaku dalam institusi keluarga masyarakat barat. Di sana, sesetengah ahli ilmu sosial barat menghujah bahawa sistem keluarga mestilah selaras dengan keperluan industri moden untuk mewajarkan keunggulan institusi keluarga mereka. Menurut mereka, industri moden memerlukan sistem keluarga nuklear kerana saiz keluarga yang kecil tanpa kekangan keluarga yang luas akan melicinkan perkembangan industri moden itu sendiri. Sistem keluarga luas yang terdapat dalam masyarakat industri akan menghambat proses perindustrian. Dalam sistem keluarga luas akan terdapatlah nilai-nilai askriptif (pilih kasih atas dasar kerabat), mereka tidak lagi mementingkan nilai-nilai "merit" atau kebolehan dan kecekapan seseorang, wujudnya patriarkalisme, tiada kebebasan peribadi, kurang mobiliti dan sebagainya menyebabkan masyarakat industri moden tidak dapat berfungsi dengan lancar jika dikekang oleh keberlangsungan sistem dan nilai tradisional dalam keluarga luas.

Di sinilah letaknya dilema institusi keluarga masyarakat barat. Dari satu segi mereka mahukan sistem keluarga nuklear yang kecil supaya kedua-

dua suami isteri dapat mengambil bahagian keadaan ekonomi tanpa dibebani oleh tanggungan bumahtangga, seperti komitmen terhadap anak-anak dan ini dianggap rasional dan cekap. Dari segi yang lain pula mereka memerlukan institusi keluarga sebagai unit kosumsi (untuk menggunakan barangan yang dikeluarkan oleh industri), unit prokresi (untuk menambahkan penduduk dan meremajakan anggota masyarakat) dan secara tidak langsung sebagai unit perlindungan serta sosialisasi terhadap anak-anak yang bakal menjadi tenaga kerja untuk industri.

Mereka juga memerlukan institusi keluarga sebagai tempat bergantung emosi, perhatian semasa sakit dan semasa usia tua — satu fungsi yang dapat dimainkan dengan lebih baik oleh sistem keluarga luas. Selain itu masyarakat industri barat mengagungkan sistem keluarga luas. Selain itu masyarakat industri Barat mengagungkan sistem keluarga nuklear yang diasaskan pada cinta romantis, pada kepuasan dan kebahagiaan individu.

Ironisnya pada masa yang sama mereka sanggup menutup sebelah mata terhadap gejala-gejala sosial seperti hubungan seks di luar perkahwinan, berkesedudukan, hubungan homoseksual dan lain-lain ciri dekaden atas nama kebebasan perseorangan dalam memenuhi naluri sosial dan seksualnya.

Abad Ke-21 Dan Cabarannya

Pada dekad ini, ramai ahli-ahli fikir masa depan (futuristik) telah menggambarkan dunia akan menjadi begitu moden, canggih dan suasana kehidupan amat mencabar sekali. Antaranya ialah Akvin Toffler yang menulis buku bertajuk "Powershift" meramalkan suasana perdagangan yang amat pesat sekali akan berlaku di rantau Asia Pasifik pada abad ke-21 nanti.

Meskipun tidaklah boleh dibuat anggapan bahawa apa yang diperkatakan oleh penulis tersebut benar sepenuhnya, tetapi apabila dilihat kembali sejarah kehidupan manusia,



PENEMUAN DI MINGGU ORIENTASI

Oleh: HASIMAH BT. MOHAMED @ ISMAIL
DIP. PEMBANGUNAN MANUSIA (05)

AKU menangis sepuas-puasnya pada ketika itu. Semenjak ketiadaan abang, aku seperti tiada pedomam untuk menempuhi hidup dan sekaligus untuk menghadapi peperiksaan S.P.M pada hujung tahun itu. Tidak ada tempat untuk aku mengadu mengenai tanggungjawabku yang kurasakan bertambah berat lagi bila memikirkan keadaan adikku yang terlantar di hospital pada ketika itu.

Tiba-tiba lamunanku dikejutkan oleh suara nakal dua orang adik lelaki yang baru pulang bermain. Aku bangun dan terus mengemaskan buku Kimia S.P.M. yang berselerak di atas meja. Aku menuju ke belakang rumah untuk menyuruh kedua orang adikku itu mandi. Tidak lama lagi ayah mungkin akan pulang dari melawat adik dan emak di hospital. Begitulah keadaan diriku semenjak beberapa bulan yang lalu itu.

Keesokannya aku pergi ke sekolah seperti biasa. Aku tidak dapat mengawal perasaan diriku semasa Cikgu Zahari mengajar Bahasa Melayu. Aku tersedar dari melayan perasaanku bila ditanya oleh Cikgu Zahari. Aku teragak-agak untuk menjawab kerana fikiranku kosong pada ketika itu. Cikgu Zahari memerhati ke arah diriku untuk menantikan jawapan sepatutnya yang kuberikan kepadanya. Aku tidak mendengar dengan cerat apa yang Cikgu Zahari persoalkan sebentar tadi dan langsung itu tidak kufahami apa yang mesti aku berikan jawapan untuk Cikgu Zahari.

Aku rasa sedih mengingatkan keadaan semuana pada ketika itu. "Saya tidak tahu." Aku menundukkan kepala. Lemah sekali rasanya seluruh tubuhku. Aku dapat merasakan suaraku bergetar kerana menahan tangisan.

"Hakimah, awak ada masalah?" Tanya Cikgu Zahari dengan suara lembut bercampur simpati seorang guru. Kelembutan Cikgu Zahari melayani karenahku membuatkan diriku sukar mengawal perasaan lagi. Aku terus menangis. Hatiku teramat sayu dan pilu mengenangkan keadaan diriku. Aku sudah berfikir jauh untuk tidak lagi meneruskan pelajaranku. Biarlah aku berkorban demi masa depan abang dan adik-adikku. Aku rela demi mereka semua.

"Hakimah, mengapa awak menangis? Awak ada masalah? Atau santikan jawapan sepatutnya yang kuberikan kepadanya. Aku tidak mendengar dengan cerat apa yang Cikgu Zahari persoalkan sebentar tadi dan langsung itu tidak kufahami apa yang mesti aku berikan jawapan untuk Cikgu Zahari. Zahari bingung dengan



keadaan diriku. Lama juga dia berdiri di sisiku dan akhirnya dia memberi kata putus. "Hakimah, selepas kelas pukul 1.00 nanti, saya mahu berjumpa awak di bilik kaunseling." Aku angguk lemah mendingar arahan Cikgu Zahari sambil berdiri dan meminta kebenaran daripadanya untuk keluar. Aku pergi ke tandas untuk membasuh muka. Mini telekung putihku basah kerana air mata.

Selepas kelas pada hari itu, aku berjumpa Cikgu Zahari di bilik kaunseling. Aku ceritakan keadaan diriku yang sebenar dan niatku untuk berhenti sekolah. Berbagai-bagai pandangan dan nasihat yang Cikgu Zahari berikan kepada diriku. Dia juga menceritakan tentang jatuh bangunnya dalam mengejar cita-cita. Cikgu Zahari mahu diriku tabah menghadapi cabaran.

"Hakimah, setiap manusia di dunia ini mempunyai masalah, tetapi kita tidak boleh lari dari menghadapinya. Sebagai seorang manusia kita mestilah berfikiran rasional untuk mendepani masalah itu berbekalkan tindakan wajar. Janganlah awak berkorban yang bukan-bukan. Fikirkanlah diri awak sendiri sekarang ini." Cikgu Zahari terhenti dari meneruskan kata-kata. Barangkali juga dia melihat aku tidak lagi menundukkan kepala. Tangisanaku juga semakin reda.

"Hakimah, saya mengharap kejayaan awak pada bulan Mac nanti. Janganlah awak berputus asa sebelum mencuba terlebih dahulu. Anggaplah saya sebagai sahabat awak sebagaimana saya menganggap awak begitu" ... Sebulan lagi aku akan menghadapi peperiksaan S.P.M. Aku takut mengenangkan semuanya pada ketika itu. Persediaan emosiku untuk menempuhi S.P.M. belum cukup lagi.

Namun begitu aku mendapat semangat baru. Kata-kata nasihat Cikgu Zahari terngiang di telingaku. Antara katanya yang menghidupkan jiwaku ialah "Kita mesti menempuhi masalah dengan berbekalkan tindakan wajar. Aku hanya inginkan kejayaan cemerlang dalam peperiksaan S.P.M. Tentang pelajaranku di masa akan datang, aku tidak mampu menentukannya. Biarlah Allah sahaja yang mengetahui. Tumpuanku hanyallah kepada tanggungjawab sebagai calon S.P.M. pada hujung tahun itu.

Hari-hari peperiksaan kulalui dengan tabah. Aku bersembahyang hajat dan istikharah bagi usaha terakhirku untuk menghadapi peperiksaan.

Kira-kira empat bulan yang berikutnya saat yang dinantikan pun tiba. Aku tabahkan hati pada pagi itu untuk pergi ke pejabat sekolah. Setibanya aku di pintu

pejabat, Iza mendapatkan aku sambil berkata "Hakimah, tahniah dengan kejayaan pangkat satu awak." Aku bersyukur dengan kejayaanku itu.

Aku mengajak Iza untuk menemui Cikgu Zahari di bilik guru. Aku hampa kerana menurut kata guru-guru di situ Cikgu Zahari sudah berpindah sekolah ...

Sekarang aku sudah berada di menara gading. Aku bakal menjadi mahasiswi tahun tiga pada sesi ini. Cikgu Zahari masih lagi tidak aku hubungi. Aku tidak berniat untuk melupakan jasa Cikgu Zahari terhadap diriku. Di manakah Cikgu Zahari? Aku ingin sekali mengucapkan terima kasih untuknya kerana membantu aku menghadapi saat-saat kritikkaku untuk menempuhi peperiksaan S.P.M. dahulu.

"Hakimah Ita, mengapa awak tercegat di situ? Tugas awak sebagai penyambut tetamu kepada pelajar-pelajar baru pada hari ini." Teguran berupa arahan daripada Pengetua Kolej Harmoni mengejutkan aku dari lamunan sebentar tadi.

"Maaf ... maafkan saya Dr. Farid, saya akan jalankan tugas itu. Aku menyahut dengan nada teragak-agap.

Aku pergi ke blok kediaman Siswi. Aku menyambut seorang demi seorang pelajar baru. Akhirnya sampailah giliran aku menyambut pelajar baru yang hanya ber-

sama seorang adik lelaki. Kebetulan pula dia sebilik dengan aku. Aku ke meja bertugas untuk memberitahu Dr. Farid bahawa aku mahu menolong rakan sebilikku itu mengemaskan barang-barangnya. Zila diamanahkan oleh Dr. Farid untuk menggantikan tempat aku sebagai penyambut tetamu.

Aku memperkenalkan diri kepada pelajar baru itu. Nama kakak Hakimah Ita, siswi tahun tiga jurusan pembangunan manusia." "Nama adik, Mariana dan ini adik, namanya Mohd. Irwan. Mariana pula memperkenalkan diri dan adiknya kepada aku.

Aku mengamati wajah Mohd. Irwan. Dia tersipu-sipu bila aku berbuat begitu.

"Kakak, sebenarnya Mohd. Irwan ini pemalu orangnya." Kata Mariana setelah dilihatnya Mohd. Irwan serba salah bila aku memandangnya begitu.

"Mohd. Irwan, kakak bukanlah apa-apa. Sebenarnya wajah adik Mohd. Irwan ini seiras benar dengan kawan kakak. Kakak kurang pasti entah di mana kawan kakak itu sekarang ini."

"Kakak, agaknya pe landuk dua serupa tak?" Sampuk Mariana.

"Agaknya begitulah Mariana." Kataku pula tetapi di fikiranku masih ligat untuk terus berfikir.

Mohd. Irwan meninggalkan kami berdua di dalam bilik itu. Dia

meneruskan kerjanya di luar mengangkat barang-barang Mariana. Aku menghentikan ingatanku terhadap kawanku yang seiras Mohd. Irwan itu. Aku dan Mariana berbual-bual sambil mengemaskan barang-barang.

"Kenapa ayah dan ibu Mariana tidak menghantar sama ke sini? Aku menyuarakan tanda tanya yang setelah beberapa ketika lalu kupendamkan. Aku terdiam kerana aku melihat Mariana berubah air mukanya.

"Mariana, kenapa dik? Ada masalah?" Aku sengaja melembutkan suara ketika berkata-kata. Tiba-tiba sahaja Mariana menangis sambil meletakkan susunan lipatan kain. Aku menghampiri Mariana. Dia menangis sambil menundukkan kepalanya. Aku menepuk lembut bahu Mariana.

Sedu-sedan Mariana semakin kuat. "Adik Mariana kenapa? Bo-lehkah kakak bantu?" Aku bingung melihat Mariana begitu. "Adik, kakak sedia membantu jika Adik Mariana sendiri juga sedia untuk berterus terang mengenai masalah yang sedang Adik Mariana hadapi." Aku cuba mencungkil rahsia.

Mariana mengangkat sedikit kepalanya sambil memerhatikan ke arah diriku. "Kakak, sebe-

SENI BERZAMAN

GHAZAL: CITRA BUDAYA

NEGERI JOHOR

Oleh:
NOR HAIRULNIZAM WAHID
LAUPU JUNUS

GHAZAL merupakan sejenis hiburan yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu khususnya masyarakat Johor. Dipercayai seni muzik ini berasal dari Arab dan Parsi. Sejak kedatangan pedagang-pedagang Arab ke Tanah Melayu, seni muzik ini diperkembangkan hingga ke hari ini.

Ketika berada di sekitar kawasan persisiran pantai daerah Mersing, Johor Darul Takzim baru-baru ini, penulis berkesempatan mengenal secara lebih dekat seni muzik yang menarik ini.

Menurut Encik Muhammad, 43 iaitu salah seorang daripada pemuzik dan penyanyi ghazal Kumpulan Seni Budaya Daerah Mersing, ghazal merupakan muzik yang melambangkan identiti rakyat Johor. Ghazal sering dimainkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan.

Kumpulan ghazal terdiri daripada sepuluh anggota merangkumi sembilan pemuzik dan seorang penyanyi. Antara alat muzik yang digunakan sewaktu persembahan ghazal ialah tabla, violin, peti harmonium, gitar, gambus, tamborin, markas, kompang dan gong.

Persembahan ghazal bermula waktu malam dan berlarutan hingga ke pagi, mengikut permintaan penduduk. Biasanya persembahan sebuah lagu ghazal akan mengambil masa 2 hingga 3 minit dan ini bergantung kepada pantun yang ingin dinyanyikan.

Menurut beliau lagi, pemilihan lagu adalah

berdasarkan kepada tempat dan keadaan. Sebagai contohnya, untuk persembahan menyambut Hari Kemerdekaan hanya lagu ghazal sahaja yang dimainkan sedangkan sewaktu majlis perkahwinan, bentuk lagu yang dimainkan adalah bebas.

Seperti persembahan lagu-lagu rakyat yang lain, nyanyian ghazal turut membawa mesej tertentu. Lagu-lagu yang dinyanyikan kebanyakannya bertemakan nasihat dan puji-pujian terhadap keindahan alam ciptaan Tuhan. Lagu-lagu yang bertemakan cinta juga diselenggarakan.

Bagaimanapun keprihatinan generasi muda terhadap seni warisan ini ternyata kian menurun. Kumpulan Seni Budaya daerah Seri Mersing ini hanya dianggotai oleh golongan veteran yang berusia 39 tahun dan ke atas. Sungguhpun begitu setelah lapan tahun ditubuhkan, kumpulan ini nyata berjaya memberikan persembahan yang bertenaga dan menghiburkan. Mereka sering mendapat undangan untuk bermain sama ada di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri. Kumpulan ini juga telah menyertai beberapa pertandingan ghazal di peringkat daerah dan negeri.

Keunikan kumpulan ialah mereka banyak memainkan lagu-lagu ghazal yang sememangnya diwarisi dari generasi terdahulu seperti Seri Mersing, Seri Johor dan Seri Pelangi.



GHAZAL...warisan seni yang dilupakan

SERI PELANGI

Seri Pelangi, sayang
Seri Pelangi, airnya tenang
ahai Seri Pelangi.

Tempat berlabuh, sayang
tempat berlabuh perahu Bugis
ahailah sayang.

Di dalam duka hati mengenang
hati mengenang
mengapalah pula
mengapalah pula mata menangis.

Sampanlah perak, sayang
sampanlah perak bertatah ukir
ahailah sayang.

Tumpangan anak, sayang
tumpangan anak Raja Melaka
ahailah sayang.

Bagaikan ombak dilambunghlah pasir
dilambunghlah pasir
bilakan ia akan sudahnya.

Dalam arus pembangunan yang mengubah wajah Johor Darul Takzim, ghazal tetap mewarnai budaya yang diwarisi sejak sekian lama dan usaha-usaha untuk menentengahkan permainan yang unik ini amat diharapkan agar generasi muda yang akan datang tidak akan melupakan warisan pusaka mereka sendiri.

BICARA NALURI

IMPIAN TAK TERTUNAI ZURAI DAH ISMAIL

Terbelenggu dan membelenggu
dengan dosa-dosa yang lalu
dengan impian yang dulu
beginikah seharusnya aku
setelah dibaja dan disemai
dengan benih-benih yang baik
mengapa ini juga yang aku lakukan
atau akukah yang tak menjiwai semua ini
Jiwa remajaku yang kosong
hanya tahu bertindak mengikut hati
melalui segala lorong mengikut nafsu
penyesalan yang membuak-buak keluar
mematikan segala gerak langkahku
bila impian yang dulu tak tertunai
jiwa menuntut satu janji yang dimeterai
ketika laungan azan memanggil, demi satu kewajipan
bukan salah ibu mengandung

kuakui...
bersalahkah ayahku yang menyerahkan tugasnya pada guruku
atau aku yang bersalah kerana sering mengingkarinya
ketika laungan takbir berkumandang
menandakan bakal tibanya Syawal yang mulia
aku tersedu untuk ke sekian kalinya
tertunaikah sudah segala misi aku di bumi Allah ini
Ya Allah....ampunilah dosa hamba ini...

ADIK

HARIEZA HUSSAIN

Kita hanya menjunjung perintah
rasa hati berantakan
niat tidak tertembus tapisan minda dan perasaan,
lalu dijadikan cerita cermin jiwa
pancaran salah kita yang luka

apakah benar
titah sultan molek sentiasa
mengarahkan satu sistem untuk semua
alpa bahawa rambut berwarna sama

adik,
mohon ilahi ambil cahaya di langit
jernihkan peribadi
sinarkan nawaitu
agar mereka kan tahu

tersingkir dari nukleus ini,
bukan bererti terhapus dari hati.



PAROKSISME

NOSTALGIA OPERA MIMPI NGERI
MENARI BERSAMA IGUAUAN PAROKSISME
TANPA BERNAKHODAKAN OPUS
SATU KETUKAN LANTAS MENGHINGGAPI
PEKUNG MINDA
LALU IANYA BERGETAR DALAM
RUANG YANG SEMPIT
SETIAP GETARAN ADALAH SETIAP MAKSUD
BAGI YANG MENGETI
IA BUKANLAH GRATIS
TERGENCAT.....
ANAK MATA MENYOROT KE HADAPAN
DAN AKHIRNYA BERPINAR
TANPA SATU KEPUTUSAN MUKTAMAD

Nukilan rasa
SITI AIDA ROSLI

dari muka 14

narnya ayah dan emak tidak dapat datang kerana sibuk menguruskan adik yang sedang sakit jantung berlubang di hospital sekarang ini. Semenjak adik sakit beberapa bulan yang lalu Mariana bertanggungjawab menjaga keperluan adik-adik yang lain di rumah." Oh, begitu rupanya, hati kecilku berbisik.

"Kakak pun pernah mengalami keadaan seperti Mariana sekarang tetapi bezanya kakak menghadapi masalah yang berlainan sedikit. Janganlah bimbang dan memikirkan sangat ten-

tang adik-adik Mariana di kampung tu. Tahulah nenek Mariana menjaganya." Aku cuba memujuk Mariana.

"Kakak tahu tugas anak sulung memang berat tetapi Mariana tidak seharusnya memikirkan sangat-sangat pada keadaan adik Mariana sekarang ini." Aku menyambung kata-kataku lagi untuk mententeramkan Mariana.

"Tok ... tok. Kak Mariana ayah datang ni." Aku mendengar pintu diketuk dan Mohd. Iwan memanggil dari luar.

Ayah Mariana dan Mohd. Iwan masuk. Aku tergamam sebentar melihat ayah Mariana

itu kerana dia adalah orang yang kucari selama ini iaitu Cikgu Zahari.

"Cikgu Zahari." Aku mengeluarkan kata dan aku melihat ayah Mariana mengangguk-angguk. "Cikgu Zahari masihkah Cikgu mengenali saya lagi? Benarkah ini Cikgu Mohd. Zahari." Aku bertanya lagi untuk kepastian.

"Ya Hakimah Ita, awak tidak salah orang. Saya adalah Cikgu Zahari. Saya sentiasa tahu perkembangan diri awak dan awak sudah menjadi mahasiswi ini pun saya tahu."

"Cikgu Zahari tahu." Aku terkejut dengan pengakuannya itu. Aku

melihat Mariana dan Mohd. Iwan berpandangan kerana tidak memahami apa yang kami bincangkan.

Cikgu Zahari memperkenalkan aku kepada Mariana dan Mohd. Iwan sebagai kawannya. Aku terharu dengan cara Cikgu Zahari memperkenalkan diriku kepada kedua orang anaknya itu. Rupanya Mariana adalah anak sulung Cikgu Zahari. Aku rasa bertuah dengan keadaan sekarang ini dan Tuhan sahaja yang mengetahui keadaan diri dan perasaanku.

"Assalamualaikum. Kim maafkan saya kerana mengganggu." Aku mendengar suara Zila

memanggil dari luar bilik. "Kim, awak ditugaskan oleh Dr. Farid di kaunter pendaftaran sekarang ini. Saya tunggu awak di luar ya."

Setelah membasuh muka aku ke ruang tamu menemui Zila yang setia bersamaku semenjak kami diarahkan bertugas di kolej beberapa hari yang lalu itu.

"Zila, Kim rasa hari ini adalah hari bertuah buat Kim. Kim sudah bertemu dengan orang yang Kim ingin temui selama ini."

"Maksud Kim Cikgu Zahari?" Zila seolah-olah terkejut.

"Ya, Zila. Kim sudah bertemu dengan Cikgu Zahari. Kim ebrharap

pada tahun tiga Kim di kampus hijau ini akan menghijaukan jiwa Kim yang sudah lama gersang. Awak tahu Zila, rakan sebilik kim itu adalah anak Cikgu Zahari."

"Ya, Zila. Kim rasa bertuah dengan keadaan sekarang ini. Aku ingin terus menyambung tetapi Zila lantas bertanya. "Kim, saya tidak faham apa yang awak maksudkan."

"Biarlah awak tidak faham Zila tetapi pada suatu hari nanti saya yakin awak akan memahaminya juga." Aku dapat melihat dahi Zila berkerut-kerut barangkali juga dia bingung

memikirkan maksud kata-kataku.

"Aku dan Zila berjalan beriringan menuju ke meja pendaftaran. Biarlah Zila begitu kerana hanya diriku sahaja yang memahami situasiku sekarang ini. Aku teramat gembira menyambut pelajar baru pada sesi ini kerana penemuan bertuahku dengan Cikgu Zahari yang juga merupakan kawan-ku!!! ...

HIDUP BIAR

INDAH

PENULIS TAMU

INTELEK-TUA DAN KUASA

Oleh Dr. Nordin Kardi

Aliran kaum tua dalam dunia ilmu di Malaysia memang sedang men-cengkam dengan kuat. Bahkan, ketika ini ia diperkukuhkan lagi dengan g e m b a r - g e m b u r kebangkitan Islam. Golongan ini, dengan segala kuasa yang ada pada mereka, cuba memberi definisi tunggal terhadap ilmu. Apa-apa yang terkeluar dari skema mereka akan dipencilkan dan dipersoalkan kredential pemilikinya. Lihat sahaja apa reaksi golongan berpelajaran agama terhadap beberapa komentar Islam yang dikemukakan oleh Kassim Ahmad. Ramai yang lebih berminat mempersoalkan kredential Kassim dari mencanggah komentarnya dengan komentar yang setara atau yang lebih lengkap. Hal ini samalah seperti orang-orang Islam di Britain yang yang membakar patung Salman Rushdie, bukan sebaliknya membalas 'pena Rushdie' dengan hasil karya yang lebih besar.

Selanjutnya, kaum tua, melalui asosiasi kelompok, begitu berjaya melahirkan kader-kader intelektual 'beraliran tua' yang tidak henti-henti memperkecilkan apa sahaja yang dibuat oleh anak-anak muda. Anak-anak muda dilihat sebagai serba tidak berkebolehan, tanpa pernah mempertimbangkan apakah taraf intelektual dirinya sendiri ketika ia berumur seperti anak-anak muda yang diperkecilkannya itu. Bahkan, ramai yang tidak merenung diri sendiri tatkala mereka memasuki universiti dahulu, kelayakan mereka ialah Gred 3 SPM/MCE/OSC. Apalagi yang berjaya ke universiti sebaik sahaja 13 Mei selesai, tentu amat insaf mengenai hal ini. Walhal, ketika ni, jika tidak berbekal dengan Gred 1, tidak usahlah membazir untuk memohon borang ke universiti. Tentu ada golongan tua yang tersengih sinis apabila soal SPM/STPM ditimbulkan. Ini akan dilihat sebagai perkara remeh yang 'teknis', bukan soal prinsip.

Yang jelas, pada masa ini, 'teknis' inilah satu-satunya kayu ukur yang menyukai hasil minat dan semangat pelajar terhadap 'objek pembelajaran' di Malaysia. Jika ini dipersoalkan, maka samalah ia seperti orang tua

menyoal diri sendiri, kerana anak-anak muda tidak pernah meminta supaya mereka di SPM atau diSTPkan!

Semasa berada di universiti pula, jumlah 'objek pembelajaran' anak-anak muda hari ini jauh lebih banyak dari apa yang telah dipelajari oleh orang dahulu. Dahulu, apabila disebut perkataan komputer, orang-orang ini akan menjadi gempar - apalagi bagi mereka yang mengikuti pengajian Melayu. Komputer hanya untuk orang komputer, atau setidak-tidaknya aliran sains. Hari ini, menjadi perkara biasa sahaja bagi seorang siswa yang mengkhusus dalam pengajian Bahasa Malaysia atau pengajian Melayu sekali pun bermain dengan berbagai pekej statistik



TUA...yang buta mata hati

komputer seperti SPSS, SES, MINITAB, LOTUS atau sebagainya, untuk menganalisis data kajiannya. Bagaimana kaum tua sanggup dengan tidak silu-silu merasakan diri mereka lebih tahu, lalu memperkecilkan kebolehan kader-kader intelektual muda?

Golongan intelektual tua seolah-olah begitu nostalgik dengan kaedah-kaedah pembelajaran lama. Oleh nostalgiknya mereka, kehidupan semasa mereka dipenuhi dengan berbagai kebimbangan. Mereka bimbang kalau-kalau anak muda hari ini tidak menjadi seperti mereka. Sebarang kelainan dari fesyen mereka akan dianggap sebagai penyimpangan yang membawa kepada keruntuhan. Ini ditubikan ke benak setiap anak muda supaya anak muda 'buat apa yang orang lain suruh buat' dan 'jangan buat apa yang mereka suka'.

Maka, benar dan tidak hairanlah, mengapa pernah

satu kajian menuduh 96 peratus anak muda tidak bersemangat belajar. Mereka tidak bersemangat mempelajari apa yang orang lain suruh pelajari, tetapi saya pasti mereka sedang ghairah mempelajari apa yang mereka sukai. Kebetulan pula, apa yang mereka sukai ini tidak ada di sekolah. Maka respon mereka terhadap soal selidik kajian-kajian seperti itu tentulah sedemikian hasilnya.

Saya tidak percaya mahupun universiti-universiti tidak pernah ditemui oleh pelajar mereka mengadu tidak memilih kursus yang sedang diikutinya semasa memohon ke universiti dahulu. Ia menerima kursus itu semata-mata kerana tidak mahu terlepas peluang memasuki 'circle' elite

berpendidikan tinggi di Malaysia. Namun demikian, tidak minatnya dengan kursus itu tidak pula mengakibatkannya gagal dari memperoleh ijazah. Kenyataan saya ini sekaligus menolak, dalam konteks Malaysia, bahawa faktor semangat dan minat terhadap pelajaran mempunyai hubungan yang bererti dengan kejayaan menyudahkan kursus. Kajilah, berapa banyak pelajar Malaysia di luar negeri sekalipun, yang mengikuti kursus-kursus perakaunan, undang-undang atau seni bina, misalnya, tidak pernah kenal apa kursus-kursus itu sehingga mereka disalurkan oleh kuasa yang ada di tangan JPA, Kementerian Pelajaran atau MARA. Perhatikan peratus yang lulus, tanpa mengira minat dan semangat, tuduhan bahawa pelajar tidak bersemangat belajar itu tidak memberi makna apa-apa pun. Jauh sekali dari layak dibimbangkan.

Oleh kerana begitu nostalgik dengan keagungan silam, kaum tua kerap terlepas dari melihat hakikat kebenaran semasa. Mari kita bermain dengan satu situasi hipotetikal. Katakanlah, resolusi dari satu dapatan kajian tentang lemahnya semangat belajar anak Melayu ialah mewujudkan gerakan revolusi mental dalam pendidikan. Peruntukan kewangan (seperti kebiasaannya) pun diperolehi dan pelopornya pun telah ditemui, katakanlah juga, ia dipimpin oleh politikus-pendidik yang begitu ramai sekarang. Berkempenlah mereka ke serata pelosok negara (seperti kempen menubuhkan UKM dahulu), menanam semangat belajar kepada pelajar Melayu. Oleh bersungguh-sungguhnya mereka, semua pelajar Melayu mula metallah selama sekurang-kurangnya 8 jam sehari (satu per tiga dari kehidupan).

Pada awal tahun 1994, keputusan peperiksaan pun diumumkan. Semua calon SPM mendapat Gred 1 dan calon STPM mendapat 5A Penuh. Semuanya memohon ke universiti. Pada bulan Jun 1994, surat-surat tawaran dikeluarkan. Ketika itulah realiti (bukan hipotetikal lagi) menjelma, bahawa hanya dalam lingkungan 10 peratus sahaja yang akan berjaya masuk. Kenapa? Realiti semasa ialah, negara hanya mampu menempatkan kira-kira 10 peratus bagi satu-satu kumpulan kohot ke universiti. Tidakkah peratus ini kira-kira tidak jauh peratus yang bersemangat belajar yang tidak ditonjolkan oleh banyak kajian terhadap pelajar Melayu? Bezanya cuma apa yang sedang beroperasi ketika ini adalah mengikut hukum perseimbangan (equalibrium) semulajadi, sedangkan dalam suasana hipotetikal kita tadi dimasukkan kerja manipulasi. Oleh itu sekali lagi disebutkan bahawa kebimbangan golongan tua adalah semata-mata hal peribadi mereka yang cuba diangkat menjadi kebimbangan masyarakat. Dalam kes hipotetikal tadi ternyata kempen semangat belajar selama satu tahun itu adalah satu aktiviti mengumpul dusta besar tentang metos kejayaan orang tua terhadap anak-anak muda.

Semasa mengenengahkan kajian-kajian kelemahan anak Melayu saya tidak ragu-ragu menyatakan bahawa tentu definisi dan kriteria

bersemangat itu ditentukan oleh pihak penyelidik sebelum soal selidik (atau apa jua alatnya) ditakbirkan untuk responden. Bahkan mungkin matalamatnya pun sudah ditetapkan melalui jawapan tersedia yang negatif-negatif. Dapatan kajian membolehkan birokrat-birokrat pendidikan mengeluarkan semakin banyak resipi untuk menguatkuasakan kehendak-kehendak mereka. Tambahan pula ia disokong oleh ahli akademik di universiti, semacam memberi kekuatan baru kepada golongan birokratik-politikus ini. Saya dapat bayangkan bagaimana huru-harunya Guru-guru Besar beberapa hari selepas sesuatu dapatan kajian disiarkan. Saya tidak pasti kerana surat pekeliling mengenainya yang telah dikeluarkan kemudiannya.

Dengan resipi-resipi baru ini, sekali lagi anak-anak muda terpaksa menanggung, untuk beberapa tahun lagi, keinginan mengenali diri mereka sendiri. Peluang mereka untuk mendefinisikan diri sendiri hanya akan sampai apabila golongan tua ini telah longlai untuk dijadikan tempat bergantung anak-anak muda. Ketika itu baru disadari bahawa resipi hidup orang-orang tua, yang ketika itu mereka pun telah mula memencilkan diri di rumah-rumah ibadat khusus (kerana telah tidak upaya lagi menguasai dunia, tidak boleh dipakai lagi dan tidak dapat membantu kehidupan. Sebagai jalan keluar, sekali lagi, anak muda yang baru akan dijadikan 'scapegoat'. Maka berlanjutanlah 'sindrom penyakit tua', muda budaya yang abadi di kalangan masyarakat Melayu.

Persoalannya sekarang ialah, pendidikan apayang harus disediakan untuk a n a k - a n a k m u d a . Pendidikan semata-mata untuk pendidikan atau pendidikan yang boleh menukar pelajaran geografi dan sejarah menjadi beras dan nasi? Soal ini memang

telah lama dibahaskan oleh pemikir-pemikir pendidikan di dunia lain juga. Kumpulan John Dewey, misalnya, tidak habis-habis berbahas dengan kumpulan-kumpulan seperti Mortimer Alder, Robert Hutchins atau Francis Gardinal Spellman. Dewey berpendapat bahawa 'tidak wujud kebenaran mutlak', sedangkan lawan-lawannya menggariskan wilayah hitam-putih yang jelas. Kepada Dewey, pendidikan pragmatik adalah sama dengan pendidikan progresif. Oleh itu tumpuan pendidikan hendaklah melayan kehendak dan minat murid-murid, bukan memaksa murid-murid meminati preskripsi orang dewasa.

Sebaliknya, orang dewasa yang mesti meminati apa yang orang muda minati. Jika tidak, mengikut pemikir aliran fenomenologikal, orang dewasa itu akan hidup terapung - tidak berpijak di bumi hari ini. Hidupnya dikawal oleh kisah semalam dan fikirannya dipenuhi dengan kebimbangan tentang masa hadapan yang belum wujud. Padahal, masa hadapan hanyalah hasil kerja hari ini. Bagi Malaysia, yang jelas-bagi yang suka mengaitkannya dengan Wawasan 2020 - matlamat wawasan tidak akan dapat dicapai oleh konsep 'pendidikan untuk pendidikan'. Yang boleh mencapainya ialah 'pendidikan yang boleh dipakai'.

Tidakkah boleh orang-orang dewasa memberi peluang anak-anak muda menentukan arah dirinya sendiri. Orang-orang dewasa satu hari nanti akan pergi. Yang tinggal ialah anak muda hari ini. Tidakkah boleh anak-anak muda diberi peluang untuk hidup berbeza? Tidakkah boleh minat mereka juga dibiarkan berbeza? Bilakah ilmuan Malaysia mahu berhenti dari menjadi penguatkuasa? Jika ini diteruskan 'the schools are only good for those who succeed in school'.



Bilakah ilmuan Malaysia mahu berhenti menjadi penguatkuasa?

MAHASISWA AKTIF

SUKAN DEKAD KK7 MERIAH

Oleh:
ZAKARIA TAHIR

Bersempena sambutan dekad pertama, Kolej Kediaman Ke-7 telah menganjurkan Kejohanan Liga Sukan Terbuka. Kejohanan tersebut merupakan julung-julung kali diadakan sejak penubuhan kolej tersebut. Menurut Saudara Kadir Yadam, Pengerusi Jawatankuasa Liga Dan Permainan Kolej Kediaman Ke-7, yang bertanggungjawab melaksanakan liga sukan ini, antara lain tujuan ianya diadakan adalah untuk menyerikan sambutan dekad di samping memperkenalkan Kolej Kediaman Ke-7 kepada orang luar.

Kejohanan ini terbuka kepada orang luar seluruh negeri Selangor termasuk para pelajar sekolah. Sambutan penyertaan kejohanan tersebut menggaklakan dan berlangsung dengan meriah.

Berikut adalah keputusan-keputusan perlawanan:

| Sukan | Jumlah Pasukan | Johan | N. Johan |
|-----------------|----------------|-----------|----------|
| 1. Bola sepak | 23 | KK 3 | KK 4 |
| 2. Ragbi | 12 | SMSM | Komando |
| 3. Bola tampar | 8 | KK 3 | KK 5 |
| 4. Bola jaring | 10 | KK 5 | KK 3 |
| 5. Sepak takraw | 65 | Abiamtran | TUDM |

Selain itu kolej tersebut juga menganjurkan Q-Marathon (10 km.) dan Joga-Orientering di sekitar UPM.



BERSUKAN...memperkukuhkan diri

dari muka 13

berubah dengan bertambah pesat pembangunannya dan hebat cabarannya. Malah hari ini dunia bukanlah lagi satu kawasan yang luas, tetapi telah bertukar menjadi sebuah perkampungan sejagat (global village) yang boleh dihubungi cuma dalam masa beberapa saat.

Suasana sedemikian sudah pasti menuntut satu rumpun bangsa seperti yang telah disuarakan oleh Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO Ke-11 "Bangsa yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang dapat bersaing tanpa bantuan, yang terpelajar dan berilmu, canggih, jujur, berdisiplin, amanah dan cekap."

Di sinilah letaknya akan kepentingan institusi keluarga kita dalam melahirkan satu rumpun bangsa sedemikian. Dalam pembinaan peradaban manusia ramai intelektual berhujah bahawa institusi keluarga adalah asasnya kerana individu - individu bermula di situ. Ilmu psikologi turut mengakui bahawa kehidupan masa kecil yakni bersama keluarga memberi saham yang besar dalam pembentukan peribadi seseorang individu.

Institusi Keluarga Abad-Abad Ke-21

Seorang pemikir semasa tanahair, Rustam A. Sani, mengatakan "sebarang institusi sosial yang gagal merubah dirinya sesuai dengan arus perubahan sosial yang begitu pantas, akan dihanyutkan oleh

tuntutan masyarakat yang lebih menyeluruh dan struktur sifatnya'.

Pelbagai idea, gagasan dan pandangan telah diberikan oleh golongan intelektual, budayawan, aktivis sosial serta pemimpin politik dalam membicarakan bagaimanakah peranan yang seharusnya dimainkan oleh institusi keluarga kita hari ini. Secara idealnya, idea, gagasan dan pandangan yang dikira relevan dengan abad ke-21 kelak seharusnya berupaya memberi justifikasi yang mantap dan ianya mestilah selari dengan nilai-nilai baik sejagat serta tidak melanggar hak asasi manusia.

Satu idea yang sekali imbas kelihatan agak radikal telah disuarakan oleh Dr. Nordin Kardi seorang pensyarah dalam abidang kaunseling di Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Idea tersebut setelah ditelaah dan dibuat analisis yang mendalam, ternyata ia membawa maksud yang besar dalam kehidupan manusia di jagatraya ini.

Asas kepada idea tersebut ialah setiap individu adalah 'merdeka' dan berhak mencorakkan kehidupan dan menentukan keperibadian diri mengikut definisi dan kehendak dirinya sendiri. Selanjutnya beliau menghuraikan bahawa institusi keluarga haruslah bersifat demokratik sepenuhnya dengan tiada kuasa pusat yang berhak memainkan peranan dalam membuat keputusan di atas sesuatu perkara. Saling hormat menghormati di antara ibu bapa dan anak-anak adalah perlu dengan syarat ibu bapa hendaklah terlebih dahulu menghormati anak-anak sekiranya ibu bapa mahu melihat anak-anak turut sama menghormati mereka.

Orang tua, khususnya bapa dilihat oleh anak-anak sebagai objek kasih sayang dan bukannya seekor harimau yang wajahnya sentiasa bengis dan garang. Implikasinya jika seorang bapa itu garang sifatnya, ia akan menubuhkan 'sindrom takut' di kalangan anak-anak bila saja berinteraksi dengan bapanya, lebih-lebih lagi jika si anak itu melakukan sesuatu kesalahan meskipun kesalahan itu berlaku secara tidak sengaja. Dan ini bukanlah berhenti setakat itu saja, tetapi ia akan berlanjutan sehinggalah si anak tersebut dewasa. Apa yang lebih parah menimpa si anak tadi ialah sindrom takut itu akan sentiasa menghantui dirinya. Sebagai contoh, seorang mahasiswa yang takut pada pengetua kolej, takut pada pegawai HEP, takut pada pensyarah dan takut pada pemimpin negara yang sebenarnya adalah simbolik atau manifestasi daripada bapanya yang bengis dan garang yang sekian lama telah tertanam di mindanya.

Di samping itu sekiranya sejak dari kecil ibu bapalah yang menjadi penguatkuasa atau pembuat keputusan pada semua perkara tanpa memberi ruang langsung pada anak-anak membuat keputusan sendiri, natiujahnya akan melahirkan fenomena keberagantungan ataupun individu-individu yang 'berjiwa hamba'. Dan fenomena ini jelas berleluasa dalam masyarakat kita. Umpamanya pihak ibu bapa yang mahukan anaknya menjadi seorang doktor atau seorang peguam sebagai karier, sebenarnya telah membunuh jiwa merdeka si anak itu. Satu persoalan menarik ekoran dari perkara tersebut ialah apakah mampu satu rumpun

bangsa yang mengidap 'sindrom takut' dan 'berjiwa hamba' dapat survive dalam abad ke-21 nanti yang penuh mencabar, canggih, kompleks dan pesat sekali perkembangannya?

Fikiran rasional yang waras sudah pasti mengatakan tidak, namun begitu kejayaan barangkali boleh dicapai dalam aspek ekonomi, tetapi ia tidak memadai dan rumpun bangsa tersebut akan mudah diperkotak-katikkan dalam percaturan politik antarabangsa. Dan hari ini realitinya terdapat negara-negara seperti Arab Saudi dan Kuwait, yang senang dipergunakan oleh kuasa-kuasa besar dunia meskipun negara mereka tersenarai dalam negara yang kaya raya.

Satu perkara penting yang perlu disadari dan ianya telah diperakui oleh ahli-ahli psikologi iaitu setiap individu mempunyai 'potensi'nya sendiri. Apa yang mustahak dan perlu dilakukan oleh keluarga ialah mewujudkan satu iklim kekeluargaan yang dapat menyuburkan dan memperkembangkan lagi potensi anak-anak itu. Maksudnya segala kemudahan pembelajaran yang diiringi bersama dengan cabaran-cabaran hendaklah disediakan supaya anak-anak dapat berdikari dan merdeka dalam mencorakkan kehidupan mengikut definisi mereka sendiri. Sebarang unsur *possessive* untuk menetapkan sesuatu di atas definisi ibu bapa akan membantut malah dapat membunuh potensi si anak.

Satu contoh yang sering berlaku ialah ibu bapa yang menetapkan karier anak-anaknya di masa depan kerana di fikirannya karier itu menjanjikan kehidupan yang mewah, tetapi

sekiranya ramalan tersebut salah (ini sering berlaku), maka si bapa tersebut telah menghancurkan hidup anaknya walaupun itu bukanlah niat asalnya. Dan yang lebih mendukacitakan lagi sekiranya ketetapan dari bapa itu bertentangan dengan minat anaknya, lalu mengakibatkan timbulnya konflik. Apabila berlakunya konflik meskipun dalam kes-kes yang berbeza, kesudahannya akan membuatkan perhubungan antara anak-anak dan keluarga tidak rapat dan mesra lagi. Sekiranya ia berlanjutan, lama-kelamaan si anak akan merasa bosan tinggal di rumah, maka ia akan mencari jalan lain sebagai penyelesaiannya seperti meledak bersama kawan-kawan, mengambil dadah dan tidak sedikit bilangannya yang akan lari dari rumah. Ini sebahagian besarnya ekoran dari konflik yang wujud akibat karenah ibu bapa.

Satu idea lain yang nampak berbeza dengan di atas ialah idea yang dipercayai pada perancangan dan wawasan. Sejajar dengan wawasan 2020, iaitu menyiapkan diri untuk menjadi sebuah masyarakat industri (industrial nation), anak-anak akan diberi berbagai-bagai ilmu untuk menguasai kemahiran dalam bidang-bidang profesional. Ini dibuktikan dengan sambutan yang hebat terhadap program-program pengajian profesional sama ada di universiti-universiti dan kolej-kolej swasta. Malah ada kalangan yang mantap ekonominya, menghantar anak-anak mereka belajar ke luar negeri untuk belajar dalam jurusan yang profesional.

Di negara kita ternyata pihak yang menganuti

tahaman mempercayai setiap perancangan dan wawasan yang dibuat begitu dominan dan berpengaruh sekali. Secara disadari atau tidak fenomena ini memperlihatkan satu perancangan untuk menetapkan apa yang harus berlaku pada anak-anak mengikut definisi ibu bapa. Bagi segelintir pihak yang percaya kebebasan anak-anak untuk mendefinisikan sendiri hidup mereka, sudah pasti menganggap kaedah tersebut akan membunuh potensi yang secara semulajadinya terdapat adalah diri anak-anak itu.

KESIMPULAN

Dalam perjalanan ke arah pembinaan peradaban bangsa, kepentingan institusi keluarga yang menjadi asas kepadanya tidak boleh dipertikaikan lagi. Penerimaan kepada sesuatu idea untuk menjadi satu agenda besar yang berupaya menjelaskan bagaimanakah peranan yang harus dimainkan oleh institusi keluarga dalam hubungannya dengan abad ke-21, memerlukan perancangan yang lebih meluas dan terbuka kerana masing-masing mempunyai idea yang berbeza dalam melihat peranannya.

Namun begitu perkara yang penting kepada sesuatu idea ialah mempunyai ke rangka yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai baik kemanusiaan sejagat dan berupaya menjawab apakah justifikasi kehadiran kita di alam ini. Dalam memberi justifikasinya, tiga persoalan asas kehidupan hendaklah dimengerti iaitu: Dari manakah kita hadir, apakah peranan kita di muka bumi ini dan ke manakah jurus kita akhirnya!

WACANA MAHASISWA

INSTITUSI KELUARGA TENAT?

KEBELAKANGAN ini media seringkali memaparkan masalah yang berpunca daripada sikap. Misalnya, masalah disiplin pelajar sekolah menengah, meningkatnya jenayah juvana, kerendahan moral remaja malah masyarakat itu sendiri hinggakkan secara praktisnya hubungan bebas antara lelaki dan perempuan bukan muhrim seolah mendapat restu untuk diamalkan. Makin parah pula jadinya apabila ianya menakibatkan kes kelahiran sebelum berkahwin meningkat dan kes perkosaan menjadi-jadi. Maksiat dalam artikata bercumbu-cumbuan dan berpeluk-pelukkan dikhalayak semacam sudah diterima sebagai budaya. Sedangkan ianya amat bertentangan dengan ketinggian peradaban dan budi masyarakat timur. Di sudut lain, hakikat ini menghina agama dan perundangan yang ada.

Pada hemat saya masalah sikap ini sebenarnya terbit akibat kegagalan institusi keluarga melaksanakan tanggungjawab mensosialisasikan ahli-ahlinya. Keluarga merupakan tempat di mana individu berkenalan dengan adat budaya dan peradaban sesuatu kelompok. Dalam keluargalah individu belajar bagaimana berhubung dengan orang lain dan hidup bermasyarakat berteraskan nilai-nilai murni sejagat. Kegagaaan institusi ini melahirkan individu yang tidak menghormati hidup berkelompok.

Malang sekali statistik penceraian lebih sering berlaku daripada perkahwinan membuktikan dekad ini kepercayaan dan penghormatan terhadap institusi perkahwinan dan kekeluargaan semakin menipis di kalangan masyarakat. Kita semakin sering dihadapkan dengan keas-kes keganasan rumahtangga, mendera anak dan sebagainya seolah mencerminkan hidup berkeluarga tidak membahayakan.

Masalah disiplin di sekolah misalnya sebenarnya berpunca daripada ketandusan kasih sayang dalam keluarga individu

perkenaan. Ibu bapa abad ini khasnya yang tinggal di metropolitan bekerja. Anak di serahkan dalam jagaan pembantu rumah dan bila anak itu sudah dewasa (biasanya diertikan berumur lebih kurang 18 atau 21 tahun) diberi kebebasan bertindak dan membina kehidupan sendiri. Biasanya juga ibu bapa yang bekerja lebih gemar mempunyai jumlah anak yang kecil.

Kemahuan anak-anak bermesra sesama sendiri mahupun bermesra dengan ibu bapa diganggu gugat oleh budaya pekerjaan dan sindrom menghantar anak ke sekolah berasrama. Masa untuk keluarga itu bersama bermesra semakin hari semakin dan terbatas hinggakkan terasa seolah hubungan kekeluargaan itu hanyalah bermana sedarah dan tinggal serumah. Didapati hubungan antara anak dan pembantu rumah lebih rapat, mesra dan memberikan kepuasan kepada keduanya lebih daripada hubungan antara anak tersebut dengan ibu bapanya.

Melihat kepada keadaan ini, di mana letaknya secara praktis kasih sayang antara ibu bapa dan anak dalam proses mendewasakan anak-anak dengan pengertian dan bimbingan dalam menangani hidup dan cabaran sosio budaya masa kini?

Untuk memburukkan lagi keadaan, seolah telah menjadi budaya wajib menghantar anak (yang bersekolah) ke kelas tuisyen. Mungkin ini satu 'trend' yang baik kerana ianya melambangkan harapan dan usaha bersungguh ibu bapa yang mahukan anaknya menjadi orang yang terpelajar.

Malangnya kesan sampingan (yang tidak sepatutnya berlaku) yang terhasil ialah ianya tambah menjarakkan hubungan di antara ibu bapa dan anak mereka. Didapati ibu bapa semakin jarang memeriksa persekolahan dan pembelajaran anak-anak dengan ilmu pengetahuan dan lulus peperiksaan semata-mata kepada institusi pendidikan.

Mungkin juga ianya disebabkan ibu bapa terlalu percaya kepada anaknya hinggakkan melihat tindakan dan hukuman oleh pihak sekolah dengan penuh prejudis. Kononnya anak mereka tidak mungkin melakukan sebarang kesalahan sedangkan yang sebenarnya ibu bapa jarang sekali berada bersama anaknya untuk mengenali tinggi rendah akal budi anaknya sendiri apa lagi untuk mendidik anak-anak dengan pengertian nilai-nilai murni sejagat dan rasa bertanggungjawab serta adab hidup bermasyarakat. Jelas sekali sikap prejudis mereka tidak berasas malahan sebaliknya melambangkan kegagalan mereka memahami anak mereka sendiri.

Pergolakan rumahtangga yang penuh dengan rasa tidak puas hati, tidak percaya, dendam dan sebagainya yang meledakkan pertelagahan turut menyumbang kepada kerendahan budi dan pemikiran anak-anak.

Anak-anak akan berasa sengsara dan 'tidak betah' hidup di rumah sendiri kerana tidak tahan berterusan menyaksikan pertengkaran ibu bapa. Mereka lantas menjadikan rakan

sebayu sebagai tempat mengadu, berbincang malah memberi dan menerima nasihat dan kasih sayang. Mungkin mereka tidak ada pilihan lain dan itulah satu-



KELUARGA...kita semua bersalah?

satunya penyelesaian yang mudah. Rakan sebaya ini terdapat dengan ramainya di luar institusi keluarga seperti di sekolah. Malangnya 'pelarian' mereka menjadi parah kerana rakan sebaya mereka datangnya daripada latarbelakang yang sama terbiar dan tidak diajar serta dibimbing untuk mengerti, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni sebagai asas perlakuan dalam merealisasikan janji kelahiran.

Akibatnya mereka bersama bergabung melakukan tindakan yang melanggar peraturan yang sedia ada sebagai jalan yang melepaskan rasa tidak puas hati dan kecewa terhadap apa yang mereka alami. Ringkasnya memberontak terhadap kelalaian ibubapa mereka memberikan kasih sayang dan mengasuh mereka. Perasaan atau rasa sebagai anak yang terbuang terlalu tebal seolah ianya telah sebat dengan emosi dan pemikiran (unconscious mind) hinggakkan mereka didapati sukar dibawa berbincang dan mudah marah (sensitif).

Perasaan atau rasa diabaikan inilah yang mendorong mereka mendekati arak, rokok, dadah, berpelesenan dan seks sebagai penawar masalah sekurang-kurangnya untuk tempoh tedekat. Mereka maklum akan bahayanya tetapi kerana ia mampu melupakan kekecewaan mereka seketika, mereka tetap mengamalkan.

Adalah tidak wajar dan matang untuk menuduh mereka sebagai golongan yang tidak berfikiran kerana mudah terjerumus

kelembah maksiat jenayah moral sedangkan fikiran dan perasaan mereka tidak pernah dilatih atau sekurang-kurangnya diajar membezakan mana yang baik dan yang buruk pada waras sejagat.

Tidak perlu golongan atasan khasnya politikus ataupun cendikia membuat kenyataan 'pelarian' (escapisme) dan sungguh-sungguh mencari ruang menyalahkan mana-mana pihak. Kenyataan yang menghukum kesalahan atau keburukan yang erjad akibat daripada kesilapan individu ini hanya mempamirkan kedangkalan fikiran mereka.

Apa yang terjadi ialah individu itu terbiar daripada makna dan pengertian kasih sayang dan nilai-nilai murni yang bermula daripada suasana di rumah. Bagaimana orang yang tidak pernah dididik untuk bertanggungjawab bolih diharab bertangjawab sepenuhnya?

Malang sekali tokoh dan cindikia menjadi penganut setia ajaran menyalahkan (escapisme) ini. Pada idealnya merekalah yang sewajarnya mempamirkan keunggulan pengamalan resional beragama berteraskan nilai-nilai murni sejagat dan menjadi penentang utama pemikiran prejudis.

Bagaimana kita boleh menjatuhkan hukuman pada mereka. (anak-anak) sedangkan tanggungjawab asalnya yang terpikul dibahu kita bersama belum sempurna tertunai?. Tegasnya, kita sama-sama bersalah kerana tidak menunaikan tanggungjawab dalam keluarga maupun sebagai ahli dalam masyarakat. Atas takrib ianya masalah bersama, maka kita perlu bersatu mengatasi masalah ini. Ketepikan soal sentimen yang terlalu kuno dan ortodoks. Marilah kita bersatu bertindak mendidik diri kita sendiri, anak-anak, keluarga dan masyarakat untuk mengerti dan melaksanakannya tanggungjawab masing-masing tanpa mengeluh atau tasa terbeban. Kesemuanya kelak adalah untuk kesejahteraan diri kita sendiri, orang lain misalnya keluarga kita, alam dan Tuhan.

PERSADA NURANI

DALAM SEBUAH HATI

Dalam sebuah hati

Tertulis

Kisah Tuah Jebat

Bendahara dan Tun Teja

Tun Besar

dan Puteri Gunung Ledang

bersanding bersama sultan

Berkarya

Dalam titis air mata

Dari mata Tun Besar

Kerana Dastar dari sebiji bola

Kasih sayang menuntut pengertian

Sang bapa harus menjawab

Antara cinta dengan cinta

Dosakah yang bernama cinta

Bila berada di persimpangan

Jika cinta si dara

Uda bendahara

kan pejam mata tidur lena

Tanpa terusik cinta si dara

Hanya dengan sebuah peperangan

Akan menjawab

Cinta yang berhak

Bumi Melaka dan selatnya

Mampu bercerita

Bukan derhaka namanya cinta

Kisah nyata

Cinta berhak

Cinta warga

Peradaban mulia bangsa

Tercetus dari jiwa merdeka

....sebuah dedikasiku

untukmu

Bendahara Paduka Raja...

Rozipi Abd. Razak

BILA KAN BERAKHIR

Di sini aku.....

di kampus hijau penuh teka-teki

mencari apa yang aku cari..... berkecamuk lagi

Bersaksikan segala kejahatan

berteman segala kelemahan

aku terus begini.... tiada sebarang protokol

motivasi diri

mengangkat martabat diri

Semua ilmu yang dicungkil

masih belum digilap bersih....

semua khazanah yang digali

masih belum ditimbus rapi

masih perlukan pengawasan dalaman dan luaran

dorongan, sokongan, perangsang kemaraan

Aku harus terus mara

mengibar panji-panji ceria

hasil pengaduan dua alam

memang ketara perbezaan

hasil dari perjuangan..... kontroversi

membuak kesenangan hati

bergelora resah berlari

Tapi aku masih terpaku di meja

berfikir.... merenung kembali...

dayakah kujunjung mahligai hati

menghalang kebangkitan musuh yang dengki.....

zalim..... kejam

pada harapan ayah bonda..... keluarga

Bilakah konflik diri ini

menoktahkan perjalanan songsang

di lebuh raya ini

sering aku tertanya sendiri

bilakah semua ini kan berakhir

menoktahkan diri

persada hati

NORHAYATI AMROSE

MAHASISWA AKTIF

KK5 ANJUR PROGRAM

'CAREER TALK'

oleh
(Mazlah Awang)

CABARAN dunia pekerjaan merupakan realiti kehidupan yang amat berbeza berbanding dunia kehidupan mahasiswa di kampus.

Menyedari hakikat itu telah mendorong Biro Pendidikan Kolej Kediaman Kelima (KK5), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Serdang, untuk menganjurkan program 'Career Talk' khusus sebagai persediaan mahasiswa untuk tujuan tersebut baru-baru ini bertempat di KK5, UPM.

Program anjuran bersama dengan Hal Ehwal Pelajar (HEP, UPM) dan Alumni Yayasan Malaysian Tobacco Co. Bhd MTC) itu bertujuan memberi gambaran awal kepada mahasiswa tentang alam pekerjaan sebenar

melalui pengalaman yang dikongsi bersama ahli panel dari Persatuan Alumni MTC.

Melalui program tersebut, mahasiswa khususnya yang bakal bergraduasi turut diberi pendedahan dengan persediaan diri yang perlu, berbentuk pelbagai kemahiran diri selain kelayakan segulung ijazah atau diploma.

Menurut Pengarah Projek, Rosli Mohd. Nor, memandangkan pendidikan dan pembelajaran merupakan dua perkara berbeza dari segi situasi pembentukannya di masa pembelajaran melibatkan proses menimba pengalaman dan ilmu maka melalui pengalaman dan perkongsian idea mahasiswa dan ahli

panel dari pelbagai bidang, diharapkan mahasiswa lebih memahami akan konsep menimba pengalaman di mana ia membawa maksud setiap individu akan diuji akan ketahanan dan potensi diri.

"Melalui program ini, ceramah oleh panel dari bidang pemasaran, pertanian, kewangan, komputer dan kejuruteraan, mahasiswa juga diharapkan dapat memahami dengan lebih mendalam dan bersedia dengan kerjaya yang akan dipilih," kata beliau lagi.

Katanya lagi, program seumpama ini juga dapat mewujudkan hubungan erat antara Institusi Pengajian Tinggi khususnya UPM dengan badan-badan Alumni.

KKCR JOHAN PESTA PANTUN

Oleh: Paiman Bawon

Kolej Kediaman Cikgu Rashid telah berjaya menjadi johan dalam Pertandingan Akhir Pesta Pantun Inter-Kolej Universiti Pertanian Malaysia dengan menagalkan pencabarnya Kolej Kediaman Tun Perak di Panggung Percubaan pada 2 Oktober 1993 yang lepas. Pesta pantun ini dianjurkan oleh Biro Kebudayaan KKCR dengan kerjasama Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Perasmian penutup acara pertandingan akhir pesta ini telah dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Pertanian Malaysia, Prof. Madya Dr. Rahim Md. Sail. Dalam ucapan tersebut beliau menekankan bahawa budaya pantun merupakan puisi yang paling kuat dan kukuh serta terus berada di mercu kebudayaan Melayu dan sekiranya golongan muda seperti mahasiswa/i tidak meneruskan bidang ini, maka kemungkinan besar budaya ini akan lupus suatu hari kelak. Seterusnya beliau

memuji langkah dan inisiatif yang diambil oleh Kolej Kediaman Cikgu Rashid melalui biro kebudayaannya dan Unit Kebudayaan HEP Universiti Pertanian Malaysia yang telah berjaya menganjurkan pesta pantun inter-kolej yang julung kali diadakan di UPM.

Di antara objektif pertandingan ini diadakan ialah untuk mengenengahkan bakat dan karya baru kepada mahasiswa, menerapkan seni budaya ke arah keintelektualan dan melatih mahasiswa/i merancang dan melaksanakan sesuatu projek besar serta mewujudkan kefahaman tentang peranan berorganisasi. Pesta pantun yang bertemakan Seungkap Kata Seindah Budaya ini diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat pemantun-pemantun bagi mewakili Universiti Pertanian Malaysia dalam pertandingan pesta pantun antara universiti yang akan diadakan pada bulan Disember 1993 akan datang.

Dalam pertandingan akhir tersebut isu yang diperbincangkan

BUDAYA

EJ 1993 MAT HASSAN AAN KISR



SAZALI...hebat

terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ketinggian ilmu, masyarakat penyayang dan keindahan alam semesta. Pemantun yang mewakili Kolej Kediaman Cikgu Rashid ialah Saudari Noor Anizan bt. Alias, Saudara Sazali b. Mazlan, Saudari Marina Wati bt.

Mohamed dan Saudari Sabariah bt. Hashim, manakala Kolej Kediaman Tun Perak diwakili oleh Saudara Beh Kok Wai, Saudari Aminuhairam Suzyta bt. Daud, Saudari Siti Salwa bt. Nasiman dan Saudari Nooraine bt. Ahmad.

Pasukan KKCR yang menjadi johan pertandingan ini telah menerima Piala Pusingan Pesta Pantun Inter-Kolej UPM sumbangan daripada Timbalan Naib Canselor, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Pertanian Malaysia, wang tunai RM150.00, piala iringan, piala individu, hamper dan sijil penyertaan. Manakala KTP yang menjadi naib johan telah menerima wang tunai RM100.00, piala iringan, piala individu, hamper dan sijil penyertaan.

SINGKAT TAPI BANYAK KATA DR. GHIZAN

Oleh: Fatimah Abdul Samad

Pengetua KK4, Dr. Ghizan Salleh berkata, bahawa setahun merupakan suatu jangka masa yang terlalu singkat bagi seseorang fellow kolej kediaman untuk menaburkan segala bakti dan sumbangannya.

Katanya, sumbangan yang telah diberikan oleh Samsuri Abdul Wahid, salah seorang fellow KK4, dalam masa setahun ini pada hakikatnya adalah terlampau banyak terutama sebagai komandan Jelapang V.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap di majlis Malam Penghargaan Fellow di Dewan Makan KK4 bagi meraikan Encik Samsuri baru-baru ini.

Encik Samsuri yang mula menjawat jawatan fellow pada sesi lepas akan mengakhiri perkhidmatannya untuk melanjutkan pelajaran ke University of Colorado di Amerika Syarikat.

Beliau yang turut berucap di dalam majlis tersebut telah mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua penghuni KK4 kerana telah banyak member-



Dr. Ghizan

ikan pengalaman berharga yang bakal membantunya untuk menghadapi cabaran di masa akan datang.

Beliau mengakhiri ucapan beliau dengan serangkap pantun yang berbunyi:

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan,
Walaupun jauh beribu batu,
Kalian tetap dalam ingatan.

Majlis Malam Penghargaan ini adalah anjuran Majlis Tertinggi Pelajar (MTP) Kolej Kediaman Keempat.

Turut hadir ialah pengetua, pengurus, fel-

low-fellow, ahli-ahli MTP serta wakil-wakil tingkat.

Para tetamu yang hadir telah disajikan dengan pelbagai jenis makanan yang disediakan secara "buffet".

Majlis tersebut diakhiri dengan acara penyampaian hadiah penghargaan kepada Encik Samsuri daripada Tuan Pengetua, Presiden MTP, Wakil Kelab Usahawan, Wakil Top Malinda serta beberapa pelajar lain.

TESL ALOHA NIGHT '93

TESL Club menganjurkan TESL Aloha Night '93 pada 4hb. Ogos yang lalu di panggung percubaan untuk meraikan pelajar baru Bachelor Pendidikan TESL.

Majlis yang julung-julung kali dianjurkan oleh kelab tersebut juga bertujuan untuk meraikan dua orang pensyarah TESL yang akan meninggalkan UPM, Dr. Haji Zain Mohd. Ali dan Mr. Malachi Edwin. Dr. Haji Zain akan meneruskan khidmat beliau di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), sementara Mr. Malachi Edwin pula akan melanjutkan pelajaran beliau.

Majlis tersebut telah diserikan dengan berbagai persembahan menarik daripada pelajar TESL Tahun 1 hingga tahun akhir. Antara yang menarik ialah sebuah lagu berjudul "To Sir With Love" nyanyian pelajar Tahun 3, yang ditujukan khas buat Dr. Haji Zain Mohd. Ali.

Persatuan Mahasiswa Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Serdang telah menganjurkan Kursus Bimbingan Kerjaya bagi pelajar tahun akhir persatuan tersebut bertempat di Dewan Besar, Pusat Perikanan dan Sains Samudera

KURSUS BIMBINGAN DAN KERJAYA PELAJAR TAHUN AKHIR UPMCT

oleh (Mazlah Awang)

UPM Cawangan Terengganu.

Kursus yang disertai seramai 96 orang pelajar tahun akhir Bachelor dan Diploma Perikanan, bertujuan mendedahkan kepada mahasiswa akandunia baru yang bakal di lalui apabila mereka bergraduasi kelak.

Sejajar dengan matlamat universiti dan fakulti dan seterusnya negara, melalui kursus tersebut diharap dapat menyedarkan mahasiswa agar berdikari dan berani tanpa mengharapkan sesiapa dalam mencapai keeselesaan hidup.

Selain itu selari dengan tema program, "Membina Mahasiswa Berwawasan", mahasiswa juga diharap dapat membentuk



Suhaila

pemikiran positif dan terbuka dalam memilih pekerjaan dan tidak bergantung pada kerajaan di mana mereka harus membina keyakinan diri dan kesungguhan untuk bekerja.

Pengarah projek, Sharul Suhaila Ismail, 21, berkata melalui kursus ini peserta mendapat penjelasan lebih baik

terhadap kerjaya yang akan mereka ceburi dan mendapat gambaran kasar akan persediaan, yang perlu mereka miliki.

"UPM sebagai salah satu agen membentuk mahasiswa berwibawa, cekal dan berilmu serta berpengalaman dalam menerokai sektor ini memerlukan mahasiswa yang bergerak cergas dan kreatif dalam menerokai sektor ini seterusnya menyedarkan umum supaya tidak lagi memandang rendah kepada setengah golongan," kata beliau lagi.

"Melalui sektor ini kami juga mampu membantu mencapai wawasan 2020," tambahnya yang juga pelajar tahun akhir, Diploma Perikanan, UPM.

EDITORIAL

LIDAH PENGARANG

akhbar *yang dinamik, yang progresif*
MAHASISWA

Akhbar Mahasiswa kali ini menjemput khalayak pembaca sekalian untuk bersama-sama merenung sejenak akan satu sindrom yang merebak dulu, kini dan mungkin akan datang. Sindrom itu hadir pada sesiapa sahaja baik di peringkat menteri, ulama, ayah, guru mahupun di peringkat rakyat jelata. Sindrom itu dikenali sebagai 'Sindrom Tua'.

Mari kita melihat citra pengidap sindrom tua di Malaysia ini....

Suatu ketika pada tahun 30-an hingga awal 60-an negara kita dikejutkan oleh satu polemik 'kaum tua' dengan 'kaum muda'. Kaum tua atau kumpulan tua dikatakan berpegang kepada fahaman tradisional dan mempertahankan status quo. Sementara kaum muda membawa gerakan pembaharuan (reformis) yang selalu digelar moden dan bersifat radikal.

Kaum tua (atau sindrom tua?) ingin kekal kepada keadaan yang ada, asalkan mereka

boleh bersembahyang, pergi haji, dan menunaikan fardu ain yang rutin' mereka, kaum tua, merasakan sudah sempurna kehidupan mereka serta sudah layak menghuni syurga. Namun, kaum muda dengan semangat revolusionar bangkit melebarkan doktrin 'halau penjajah'. Kaum muda, dengan keberanian yang tinggi, bergerak bersama semangat ingin merdeka, merdeka diri dan negara dari sebarang ancaman.

Kaum tua (bukan semestinya orang-orang berumur tua) hanya melihat kehidupan dalam kerangka pengamalan ritus-ritus agama manakala kaum muda melihat doktrin agama berfungsi sebagai pembentuk falsafah hidup. Kalau kaum muda mempelajari pelbagai disiplin ilmu dan agama, kaum tua hanya mempelajari 'kitab-kitab kuning' serta cara-cara bertani dari ayah dan datuk mereka.

Kaum muda menghamburkan

fahaman agar bangsanya mempelajari segala ilmu yang ada dari negara-negara yang telah maju dan bertamadun seperti dari Eropah di samping seruan itu, mereka juga menyeru agar bangsanya yakin akan keperibadiannya yang sebenar. Fahaman kaum muda supaya bangsanya yang kuat dan sekurang-kurangnya setanding dengan bangsa-bangsa lain. Maka dengan itu wujudlah slogan keramat "Melayu Raya."

Kalau di Mesir terdapat Muhamad Abduh dan di India terdapat al-

Waliullah ad-Dahlawi, di Malaysia pula terdapat Al-Hadi, Za' ba, Ibrahim Yaakob, dan Ahmad Boestamam (sekadar menyebut beberapa nama). Secara umum gerakan kaum mudah yang membawa taufan perubahan sehingga kita bebas dari belenggu perhambaan kolonial.

Namun demikian, kaum tua berada dalam suasana statik dan menyerah serta hanya

mampu menyalahkan kaum muda. Oleh itu kita berani katakan bahawa kaum tua adalah pengidap mutlak sindrom tua.

Sindrom tua bermaksud satu pegangan yang cenderung menyalahkan 'yang muda' dalam setiap tingkahlaku tanpa usul periksa yang mendalam. Selagi ada "sindrom tua" selagi itulah mereka akan menjadi tamak dan rakus kepada kuasa dengan itu mereka terus menganggap 'yang muda' sebagai golongan bodoh, jahil dan tidak berguna.

Sebagai contoh, baru-baru ini gempar dengan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Selangor yang menyatakan 90% pelajar-pelajar Melayu tidak minat untuk bersekolah. Rentetan itu, intelek-intelek kita yang (mengidap sindrom tua) seperti Rustam A. Sani dan Zaini Ujang memberi pandangan tuduhan kepada pelajar sekolah tanpa menyelidiki sebab-sebab mereka tidak

SINDROM TUA DI MANA-MANA

minat bersekolah. Yang muda (pelajar sekolah) terus menerima kutukan tanpa diberi peluang untuk mereka menyatakan rasa naluri mereka.

Golongan remaja mutakhir ini dikatakan sangat bobrok perangnya oleh mereka yang tua. Remaja kini dikemukakan sebagai suka berpelesenan, berdua-dua di taman bunga, ponteng sekolah dan pelbagai sifat negatif. Walau, mereka yang tua-tua pada waktu remajanya lebih lagi buruk perangnya. Cuma, kebobrokan mereka tidak disiarkan, seperti hari ini, oleh media-media masa.

Mahasiswa di universiti dekad 90-an ini juga diberi pelbagai gelaran seperti jumud, tidak tahu berbahasa Inggeris, bersekolong dengan budaya 3D dan tidak pandai mengayakan diri dalam temuduga dan sebagainya. Walhal yang membuat tuduhan juga pernah memasuki universiti seperti Ani

Arope serta Arshad Ayub dan pada waktu itu budaya kampus juga tidak boleh dikatakan lebih baik berbanding hari ini.

Sebagai mahasiswa yang biasa berurusan dengan pihak pentadbiran seperti HEP, tentu kita pernah diherdik dan dimarah oleh pegawai-pegawai malah oleh kerani-kerani yang berasa yang muda (mahasiswa) sebagai tidak tahu bersopan santun dan tidak tahu aturan birokrasi. Sedangkan, mereka (yang tua) jika tidak bersopan-santun dengan pelajar adalah tidak mengapa.

Kiranya sindrom tua m e n g h i n g g a p i seseorang ayah, maka ayah itu akan menjadi hakim ke atas setiap perbuatan isteri dan anak-anaknya. Setiap keputusan mesti dipersetujui oleh si ayah.

Orag muda selalunya ditutup pemikiran mereka untuk mengkritik yang tua. Orang tua dengan sewenang-wenangnya apalagi yang punya kuasa akan terus

mencengkam yang muda untuk akur ke atas setiap perlakuan mereka. Ironisnya, dalam masa yang sama mereka bercakap tentang kebenaran seolah-olah kebenaran hanya milik mereka.

Barangkali di antara sebab yang tua suka membuat tuduhan dan menyalah yang muda kerana mereka sudah tidak mampu untuk bergerak sedangkan yang muda punya tenaga gagah dan b e r s e m a n g a t revolusionar. Tidakkah yang tua sedar yang mereka akan bergerak ke kubur sedangkan yang muda akan terus mengharungi dunia dan membuat pembaharuan.

Oleh yang demikian, kita melihat negara akan kegersangan tenaga muda jika kita tidak menjuruskan mereka ke arah kebebasan dan k e m e r d e k a a n. Kemerdekaan diri ialah bila yang muda berpaksikan kebenaran serta berani m e n g e m u k a k a n pandangan dan melakukan kerja tanpa rasa takut. Namun demikian, selagi ada sindrom tua selagi itulah mereka yang tamak dan rakus kepada kuasa akan terus menganggap yang muda sebagai bodoh, jahil dan tidak berguna.

MAZLAN DILANTIK YDPMPP

OLEH: WAN SITI HASNAH

S e m p e n a terbentuknya pimpinan baru dalam Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Pertanian Malaysia (MPP, UPM) setelah berlangsung pilihanraya kampus. September lalu, pihak Perwakilan Mahasiswa UPM (PMUPM) telah menganjurkan Majlis Bersama MPP pada malam 20 Oktober yang lalu di Dewan Kenyalang Kolej Kediaman Kedua (KK2).

Presiden MPP, Sdr. Mazlan Ahmad, mahasiswa dari Fakulti Pendidikan dalam

ucapannya menjelaskan segala hasrat murni dan perancangan ahli exconya dalam memulihkan kembali kepincangan dan sekaligus menghidupkan satu suasana baru dalam pimpinan pelajar UPM.

"Kndi melihat p e n t i n g n y a perhubungan yang baik wujud antara pihak pimpinan kolej, kelab atau persatuan supaya semua mahasiswa tidak mengalami "mised communication" terhadap aktiviti-aktiviti semasa," menurutnya.

Menurut beliau lagi, toleransi dan tolak ansur dari semua pihak di UPM, termasuk pelajar amat penting bagi menjayakan lagi sesuatu pimpinan. Mahasiswa perlu berfikir rasional dan menjadikan UPM ini, bukan sahaja tempat untuk mendapatkan ilmu tetapi juga sebagai satu titik mula untuk mendalami corak pimpinan kerana mahasiswa adalah bakal pemimpin negara.

MPP juga sedang mencari jalan penyelesaian terhadap masalah penguasaan bahasa Inggeris di kalangan mahasiswa dan sekaligus melenyapkan tuduhan masyarakat satu ketika dulu bahawa mahasiswa adalah lembab.

Timbalan Pendaftar

HEP, Tuan Haji Mohd. Nil Mohd. Salleh yang mewakili TNC (HEP) menyatakan harapan pihak HEP kepada pimpinan baru agar dapat memainkan peranan mengikut budaya universiti. Pihak HEP sedia berunding secara terbuka jika



Mazlan Hj. Ahmad

timbul sebarang perselisihan atau s e b a r a n g permasalahan.

Beliau juga mahukan pihak MPP dapat memikul bebanan sama rata antara akademik dan kepimpinan supaya kedua-duanya sentiasa berjalan beriringan.

Majlis turut dihadiri oleh beberapa pegawai HEP; Tuan Haji Mahmud, Encik Yahaya Salim; Dr. Idris Abdol dan Encik Mahfoor Haron

FALSAFAH HEP

P elajar mempunyai tanggungjawab sendiri untuk mencari ilmu dan pengalaman. Melalui proses ini pelajar berkeupayaan menguasai kebolehan berfikir, bijak membuat keputusan dan seterusnya mampu berdikari. Ini semua diperolehi dari sistem universiti yang dipertahankan kebebasan dan kewibawaan akademiknya.

I lmu dan pengalaman yang dicari itu adalah untuk pelajar berperanan di dalam alam semesta pada tahap yang termaju yang boleh. Ilmu dan pengalaman yang disajikan di universiti hendaklah pula sentiasa diperbaharui dan diperbaiki. Berbagai cabang ilmu boleh diterokai oleh seseorang pelajar dengan harapan diannya mempunyai keupayaan menggunakan ilmu itu supaya berjaya bagi dirinya, keluarganya dan masyarakat. Di dalam proses pencarian ilmu dan pengalaman itu pula, pelajar adalah sedar akan pertaliannya dengan manusia, alam dan pencipta-Nya.

K urikulum akademik yang digubal untuk proses pembelajaran itu adalah pengisian ilmu yang berguna yang dikembangkan dari sumber-sumber sahih dan berwibawa. Kesarjanaan dan keluasan serta kedalaman pelbagai ilmu itu sentiasa digemburkan bagi maksud mewujudkan iklim yang memungkinkan perkembangan budaya ilmu.

K okurikulum dan aktiviti penghidupan kampus pula dihormati oleh semua pendidik sebagai pelengkap dan komponen penting proses pendidikan di universiti. Pengalaman kokurikulum dan aktiviti kampus dianggap perlu sebagai persediaan mutlak sebelum pelajar diberikan tanggungjawab yang lebih berat dalam masyarakat. Kesemua proses ini menurus kepada pembangunan insan yang berilmu, bijaksana, berbakti, beriman, berbudi, bersemangat, berakhlak, beramanah dan berwibawa.

M engikut falsafah ini, pertalian di antara ahli akademik, pegawai pembangunan pelajar dan pegawai sokongan adalah untuk mewujudkan suasana dan rangsangan yang memungkinkan kecemerlangan di dalam sistem universiti dan di kalangan pelajar. Pertalian aktiviti-aktiviti akademik, kegiatan kampus, penghidupan di kolej kediaman dan kegiatan pelajar adalah erat dan sentiasa dipupuk untuk manfaat pelajar sendiri dan sekaligus memperkayakan iklim dan sistem keilmuan di dalam universiti itu jua.

AKHBAR MAHASISWA mengalu-alukan sumbangan berbentuk berita aktiviti-aktiviti kelab, persatuan dan kolej, rencana, puisi, cerpen dan sebagainya daripada anda. Hantarkan sumbangan anda itu kepada Ketua Editor, Akhbar Mahasiswa, d/a Bahagian Hal-Ehwal Pelajar.